

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
JAWAB LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 5,10 HINGGA 70)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

SOALAN NO.: Q>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKTAT

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA :

**YB. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH**

KAWASAN

KALABAKAN

TARIKH

:

29 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

**YB. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI
SALLEH (KALABAKAN) minta MENTERJ KERJi* RAYA**

menyatakan berapa lamakah tempoh konsesf penyelenggaraa i jalan di seluruh negeri Sabah yang sekarang dlberi kepada Syarikat Gammierlite Sdn Bhd, Kekal Mewah Sdn. Bhd. dan Lintasan Sdn. Bhd.. Bsrapa lama lagikah baki tempoh kontrak untuk ketiga-tiga syarikat berkenain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah rielantfk 2 syarikat konsesi utama untuk melaksanakan kontrak penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Negeri Sabah. Antara skop konsesi pens' vastaan ini ialah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin, b<; rkala dan kecemiasan di sepanjang jalan Persekutuan terlibat.

Kontrak konsesi penyelenggaraan Jalan Persekutuan tenebut telah dibahagikan mengikut zon, iaitu barat (Kota Kinabalu, Tenom, Sipitang, Beaufort, Keningau, Kota Belud, Kudat dan Labuan) kepada Lirvtasan Resources Sdn. Bhd. dan timur (Sandakan, Telupid, Lahad Da u, Kunak, Beluran dan Tawau) kepada Gammerlite Sdn. Bhd.. Konsesi p< nswastaan ini ialah untuk tempoh selama 15 tahun, bermula dari 1 September 2003 hingga 31 Ogos 2018. Sehubungan itu, baki tempt >h konsesi untuk kedua-dua syarikat berkenaan ialah lebih kurang selama 5 tahun 6 bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kekal Mewah Sdn. Bhd. ialah merupakan syarikat konsesi penyelenggaraan jalan yang dl antik oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi menyelenggara jalan-jalan Perbari iaran dan jalan luar bandar di negeri tersebut. Berdasarkan makluinat yang diperoleh kementerian ini dari Kerajaan Negeri, tempoh konsesi bagi syarikat Kekal Mewah Sdn. Bhd. ialah selama 10 tahun, bermula dari 2 November 2002 hingga 1 November 2012. Di samping itu,

kementerian ini difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah juga telah melantik syarikat Globinaco Sdn Bhd. bagi melaksanakan projek penyelenggaraan jalan-jalan Negeri di bawah seliaan JKR Sabah. Tempoh kontrak konsesif tersebut ialah selama 15 tahun, bermula dari 1 September 2004 dan akan berakhir pada 31 Ogos 2019.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]
TARIKH 29 MAC 2012
SOALAN

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan tujuan Kerajaan mewajibkan setiap rakyat membeli insurans perubatan dan jumlah nilai yang akan dikutip. Bagaimana pula dengan rakyat yang tidak memiliki insurans tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem kesihatan negara pada masa ini menghadapi set isu dan cabaran yang berlainan dari yang dihadapi pada masa dulu. Umpamanya,

dianggarkan menjelang tahun 2030, populasi berumur 60 tahun ke atas akan melebihi 15% jumlah penduduk negara, berbanding hanya 6% sekarang. Kumpulan warga emas memerlukan lebih banyak perkhidmatan kesihatan dan kita mesti memenuhi keperluan mereka.

Juga, sekarang lebih ramai lagi rakyat Malaysia menghadapi penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, sakit jantung, asma dan kanser. Ini menambahkan lagi beban penyakit negara di samping penyakit berjangkit seperti TB (atau batuk kering) dan penyakit bawaan vektor seperti denggi. Umpamanya, sekarang lebih kurang 2.6 juta rakyat dewasa mengalami penyakit kencing manis. Dari Kajian Kesihatan dan Morbidi tahun 2011 lalu, dianggarkan 15.2% populasi dewasa di Malaysia menghidap kencing manis. Penyakit diabetes ini telah meningkat sebanyak 31% dalam masa hanya 5 tahun (berbanding tahun 2006 dahulu).

Penyakit darah tinggi juga berleluasa. Hampir satu dalam setiap 3 orang dewasa kini mengalami darah tinggi. Penyakit sepanjang hayat ini kini mengancam 5.8 juta rakyat Malaysia. Bilangan rakyat yang mempunyai risiko penyakit bukan berjangkit seperti diabetes dan hipertensi ini amat merungsingkan. Bagi setiap pesakit diabetes yang dirawat, mungkin seorang lagi belum pun dikesan. Bagi setiap 2 pesakit darah tinggi, mungkin ada 3 lagi yang belum ditemui.

Dengan peningkatan warga emas dan penyakit-penyakit kronik ini, pihak Kementerian khawatir sistem kesihatan Malaysia yang berciri dua-tingkat (dengan izin - *dichotomy*) ini, tidak dapat menampung keperluan negara menjelang 2020 dan usaha murni Kerajaan untuk menyediakan sistem yang berkualiti untuk rakyat. Rakyat Malaysia yang menuju pendapatan tinggi semakin terdedah dan memahami sistem-sistem kesihatan negara maju mempunyai kemahuan atau ekspektasi yang lebih tinggi. Dalam ikhtiar kerajaan untuk memajukan negara, sistem kesihatan Malaysia juga mesti dipertingkatkan agar semua rakyat boleh mendapatkan rawatan

kesihatan berkualiti dengan kos yang berpatutan. Pada masa ini, Kerajaan berbelanja 2.7% dari Keluaran Dalam Negara Kasar (atau dengan izin *GDP*) dan rakyat serta syarikat di Malaysia turut berbelanja 2.3% *GDP* untuk kesihatan. Akan tetapi, masih terdapat golongan rakyat yang tidak dapat mengecapi rawatan kesihatan yang termampu walaupun Kerajaan sentiasa meningkatkan tahap klinik dan hospital serta membina fasiliti baru.

Sistem Kesihatan Negara mesti mempunyai daya kelestarian (dengan izin *sustainability*) kerana ketiga-tiga cabaran yang telah saya huraikan akan meningkatkan lagi kos rawatan, walhal pada masa sekarang pun rakyat telah bersuara meminta Kerajaan mengambil langkah konkrit menangani kos rawatan yang tinggi. Sistem kesihatan yang berunsurkan 2 sektor yang renggang seperti di Malaysia sekarang tidak dapat berfungsi dengan efektif dan efisien. Kemajuan sistem kesihatan dapat memastikan bahawa semua *resource* atau sumber kesihatan Negara digunakan secara kos-efektif supaya memberikan perkhidmatan kesihatan yang bersepadu dan berkualiti demi peningkatan tahap kesihatan rakyat.

Tidak lama lagi, di bawah Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Sedunia atau dengan izin *World Trade Organisation agreement*, kita perlu membuka sempadan dagangan negara termasuk sektor kesihatan kepada doktor asing dan syarikat-syarikat kesihatan luar negara. Sistem kesihatan negara dan lebih-lebih lagi sektor kesihatan swasta mesti mempunyai daya saing dan kualiti yang tinggi supaya dapat bertahan, malah maju, dan terus memberi perkhidmatan sewajar kepada rakyat Malaysia.

Pada masa ini, terdapat perbezaan dan ketidakseimbangan sumber manusia dan bebanan kerja di antara sektor awam dan swasta. Walaupun terdapat rangkaian fasiliti kesihatan yang meluas di Malaysia, namun taburannya masih tidak seimbang. Adalah benar bahawa sejak merdeka Negara telah mencapai banyak kejayaan dalam meningkatkan tahap kesihatan rakyat. Namun kini indikator-indikator kesihatan telah tidak banyak berubah dan tidak menunjukkan peningkatan tahap kesihatan yang ketara berbanding negara-negara maju. Sistem kesihatan sekarang telahpun menunjukkan gejala-gejala stress dan sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, prihatin dan proaktif, kita tidak akan tunggu sehingga sistem kesihatan Negara sudah rosak, pecah, roboh baru hendak membaikinya. Kerajaan tidak pernah dan tidak akan mengabaikan keperluan dan kemahuan rakyat.

Justeru, Kementerian Kesihatan sedang berusaha merancang transformasi sistem kesihatan supaya dapat membangunkan sistem yang lebih saksama (atau dengan izin *equitable*), berkualiti tinggi dan mempunyai daya ketahanan jangka panjang. Dengan objektif tersebut, Kementerian telahpun mengadakan pelbagai perbincangan dan mengambil input dan maklumbalas rakyat dan pihak-pihak yang terlibat selama ini. Usaha ini akan dipertingkatkan lagi kerana Kementerian Kesihatan telahpun merancang untuk mengadakan lebih banyak lagi dialog awam dan hari terbuka bersama rakyat untuk membincangkan isu-isu dan cabaran yang dihadapi sistem kesihatan mulai dari akhir bulan ini hingga ke akhir tahun. Kerajaan mengalu-alukan dan mahukan lebih banyak lagi ide dan saranan dari rakyat bagaimana kita boleh meningkatkan mutu sistem kesihatan Malaysia sejajar dengan keperluan masa depan dan usaha sepadu untuk mencapai status negara maju pada 2020.

Kebelakangan ini, ada sesi-sesi yang dijalankan oleh pihak pembangkang dan kumpulan-kumpulan tertentu yang bertujuan mengelirukan rakyat dengan menaburkan cerita dan fakta yang langsung tidak betul. Perbuatan tidak bertanggungjawab ini cuba menyusahkan rakyat dengan menyemaikan perasaan bimbang. Walhal, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan, dan perbincangan mengenai Kajian Sistem Kesihatan Malaysia masih di peringkat awal. Adalah bohong belaka bila kumpulan tertentu mengatakan kononnya semua telahpun dimuktamadkan, akan dilancar satu sistem kesihatan baru dalam bulan Mac ini dan sebagainya.

Antara maklumat yang diputar belitkan atau kurang tepat adalah

kenyataan semua orang mesti bayar, 10% dari pendapatan individu, untuk hanya berjumpa doktor 6 kali setahun, tanpa kebolehan memilih doktor dan bahawa badan yang menguruskan dana kesihatan akan diswastakan. Yang sebenarnya, Kerajaan telahpun berjanji bahawa dana kesihatan sekiranya ditubuhkan tidak akan diswastakan atau dikendalikan oleh pihak swasta. Ianya akan dikendalikan oleh badan bukan berasaskan keuntungan (dengan izin - *not for profit organisation*) di bawah pemantauan rapi Kementerian Kesihatan dan Kerajaan. Pengurusan sistem kesihatan negara mesti dibawah jagaan dan pemantauan kerajaan dan orangramai dijemput menyumbangkan cadangan dan syor bagaimana perkara ini boleh dijadikan lebih telus dan efisien dalam usaha Kajian Sistem Kesihatan Malaysia.

Dakwaan potongan gaji 10% dari pendapatan individu adalah sekali-kali tidak benar. Sebenarnya ia adalah anggaran perbelanjaan untuk rawatan kesihatan bagi seluruh isi rumah dalam setahun, dan bukan untuk individu. Anggaran ini dibuat berpandukan kajian-kajian terdahulu. Untuk maklum semua, pada masa ini pun, perbelanjaan kesihatan di Malaysia ditanggung oleh Kerajaan, syarikat dan juga individu. Lebih-lebih lagi bagi yang tidak mampu, mereka tidak perlu berbelanja apa-apa pun kerana semuanya dibiayai oleh Kerajaan.

Dalam perancangan apa-apa program atau aktiviti kesihatan Kerajaan, tidak pernah ada had atau batasan untuk bilangan rawatan, kecuali atas keperluan atau protokol perubatan. Menghadkan bilangan temujanji dengan doktor adalah tidak munasabah kerana kita semua faham bahawa ada pesakit yang memerlukan lebih rawatan dan ada yang memerlukan

kurang. Sebenarnya, 6 temujanji itu adalah anggaran penggunaan klinik primer secara purata oleh rakyat Malaysia dalam setahun, berdasarkan kajian- kajian terdahulu. Ada yang guna lebih, ada kurang dan ada yang mungkin tidak pergi langsung kerana dirasakan tidak sakit.

Dalam perancangan sistem kesihatan yang lebih berkualiti, seseorang yang sihat pun masih patut melawat doktornya untuk saringan kesihatan, pemantauan tekanan darah, berat badan dan sebagainya supaya aktiviti promosi kesihatan dan pencegahan penyakit dapat dipertingkatkan lagi untuk 28 juta rakyat negara. Begitu juga pengesanan penyakit baru dapat dibuat dengan lebih awal lagi. Maka itulah sebabnya, Kementerian Kesihatan dan doktor-doktor serta pengamal perubatan yang bertanggungjawab menyokong bahawa semua rakyat patut berada di dalam sistem yang memastikan kecapaian kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti tanpa mengira umur, tahap kesihatan dan kemampuan. Maka tujuan dengan izin '*no opting out*' adalah agar semua rakyat dilindungi di bawah sistem kesihatan yang saksama, berkesan dan berkualiti dan tidak bermakna semua akan perlu membayar kos rawatan. Bagi mereka yang tidak mampu, Kerajaan tetap akan membela dan menyumbang kepada perbelanjaan kesihatan mereka dalam apa-apa model penambahbaikan yang akhirnya dicadangkan.

Justeru, Kementerian Kesihatan akan mendedahkan salah maklumat yang telah diutarakan oleh pihak-pihak dengan berkepentingan sendiri dan bukannya untuk membela rakyat. Dengan harapan rakyat akan lebih memahami keadaan sistem kesihatan sekarang, Kementerian akan menerima lebih banyak lagi cadangan membangun dan syor-syor praktikal

untuk diterapkan ke dalam Kajian Sistem Kesihatan Malaysia. Tanggungjawab membangunkan sistem kesihatan negara adalah tanggungjawab bersama dan Kerajaan mengalu-alukan maklumbalas rakyat. Oleh itu, dialog awam dan konsultasi dengan *stakeholder* akan diteruskan.

Soaian No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARI PADA	LISAN Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN (HULU TERENGGANU)
TARIKH	29.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah lebih seramai 13,000 graduan yang mengajar Sains dan Matematik di seluruh negara akibat daripada penurunan sehingga 29 peratus pelajar yang mengambil jurusan Sains semenjak 2007 lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan mengambil langkah proaktif jika masalah lebih guru berkenaan berlaku seperti guru berkenaan mengajar mata pelajaran berdasarkan kelayakan akademik dan ikhtisas mereka selain subjek berkenaan, dan juga melaksanakan Program Intervensi Tambah Opsyen. Program Intervensi ini

bertujuan untuk meningkatkan kepakaran guru-guru daripada opsyen yang dikenalpasti berlebihan dalam perkhidmatan untuk mengajar mata pelajaran yang lain yang diperlukan.

Di samping itu, KPM juga sentiasa berusaha untuk memastikan pendidikan negara relevan dengan tuntutan semasa dan menepati keperluan pembangunan pendidikan negara terutama dalam bidang sains dan teknologi. Sebagai langkah memantapkan sistem pendidikan di negara ini, satu Jawatankuasa Mengkaji Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal:Sastera Peringkat KPM telah digerakkan untuk mengkaji secara menyeluruh kurikulum dalam bidang akademik, teknikal dan vokasional serta mencadangkan tindakan yang diambil bagi memastikan dasar 60:40 aliran Sains dan TeknikakSastera mencapai sasaran.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, KPM turut mewujudkan kerjasama dengan beberapa syarikat swasta seperti syarikat multinasional dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Contohnya melalui kerjasama dengan Akademi Sains Malaysia dapat meningkatkan minat murid terhadap Sains melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran secara *la main a la pate*.(hands-on); dan mengadakan aktiviti galakan sains seperti Kembara Sains bersama Petrosains Program Pusat Pembelajaran Sains, Program Pertandingan Robotik, Program Kem Kecemerlangan *International Chemistry Olympiad*, Program *FI Technology Challenge*, Kem *River Rangers*. *Science Action Team*, Hari Air Sedunia dan sebagainya.

Rjm 62

No. Soalan: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN [PENDANG]

SOALAN: Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta JABATAN PERDANA MENTERI menyatakan apakah punca yang menyebabkan BBC telah mengeluarkan kenyataan permohonan maaf di atas penggunaan dana RM80 juta dan dari sumber mana dana tersebut diperolehi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia tidak pernah menjalin hubungan dengan BBC World. Sebelum ini Kerajaan telah memaklumkan kepada Dewan bahawa Kerajaan telah melantik syarikat FBC Media bagi menyediakan perkhidmatan Global Strategic Communication Campaign bermula daripada 1 April 2007 hingga 31 Mac 2010.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN

**LISA
N**

DARIPADA

**YB DATUK DR TEKHEE
@ TIKI ANAK LAPE
(MAS GADING)**

TARIKH

29 MAC 2012

SOALAN

13

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan kenapa pelaksanaan BELB di negeri Sarawak khususnya di kawasan Parlimen P192 Mas Gading agak lambat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan di bawah tempoh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dari tahun 2010 sehingga 2012 telah

menyasarkan untuk mencapai liputan 95% bekalan elektrik 24 jam di negeri Sarawak. Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan ini, kira-kira 55,055 buah rumah tambahan di negeri Sarawak akan disambung bekalan elektrik.

Pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di bawah Kementerian dibuat secara berperingkat-peringkat dan kebiasaannya mengambil masa 18 bulan untuk disiapkan. Mengikut rekod Kementerian, tiada projek yang lewat dilaksanakan di kawasan Parlimen Mas Gading dan hanya beberapa projek di bahagian utara negeri Sarawak yang lewat disebabkan masalah izin lalu. Isu ini telah dapat diselesaikan oleh Kementerian dan Kementerian menjangkakan projek-projek BELB yang diluluskan pada tahun 2012 dapat disiapkan pada 3 Januari 2013.

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH RUJUKAN	KHAMIS, 29 MAC
SOALAN	2012 12 [PR-1251- L48804]

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan aspek strategi dan langkah yang berkesan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya yang 'Liveable' (terbaik) menjelang tahun 2020 sedangkan masalah yang menghantui Kuala Lumpur kini masih berlarutan jauh tertinggal ke belakang dalam senarai Bandar Terbaik dan Bersih dan semakin menjadi "rotten".

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Cheras, adalah menjadi wawasan Program Transformasi Ekonomi Greater Kuala Lumpur / Kelang Valley untuk menjadikan Kuala Lumpur antara 20 bandar raya utama yang paling sesuai dihuni menjelang 2020. Kedudukan Kuala Lumpur tidaklah terlalu buruk seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Cheras. Pada tahun 2011, Kuala Lumpur berada di **kedudukan 78** mengikut **Liveable City Index berbanding dengan Singapura 51, Shanghai 79, Bangkok 103, dan Manila 105.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, strategi berkesan bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai **Bandarava Berdava Huni** menjelang tahun 2020 telah digariskan dalam Program Transformasi Ekonomi Greater Kuala Lumpur/Klang Valley yang mengemukakan sembilan (9) 'Entry Point Projects (EPP)' meliputi empat (4) dimensi berikut:

1. Menjadikan Kuala Lumpur/Lembah Klang sebagai daya tarikan

Syarikat-syarikat antarabangsa dan serantau yang dinamik dan menjadi peneraju utama dalam subsektor yang disasarkan adalah digalakkan untuk menempatkan ibu pejabat global dan serantau masing-masing di Kuala

Lumpur/Lembah Klang. Ini akan disokong oleh program penghijrahan

dalam dan luaran untuk menambah bilangan penduduk Kuala Lumpur /Lembah Klang dan kawasan sekitarnya kepada 10 juta menjelang tahun 2020, dengan tumpuan kepada pekerjaan yang bernilai lebih tinggi.

2. Menjadikan Kuala Lumpur /Lembah Klang sebagai titik hubungan

Jalinan perhubungan serantau akan dipercepatkan dengan menggunakan sistem kereta api kelajuan tinggi untuk menghubungkan Kuala Lumpur/Lembah Klang dengan Singapura. Pada masa yang sama, jalinan perhubungan antara bandar akan ditambah baik dengan sistem transit massa.

3. Menyediakan destinasi baru di Kuala Lumpur /Lembah Klang

Destinasi berpotensi tinggi di Kuala Lumpur/Lembah Klang akan dikenal pasti sebagai daya tarikan dan dinaik taraf untuk meningkatkan kesesuaian dihuni bagi penduduk dan menarik pelancong dan penghijrah yang mahu mengunjungi atau berpindah ke Kuala Lumpur/Lembah Klang. Sebagai contoh, kawasan pusat bandar Kuala Lumpur yang menghadap Sungai Kelang dan Sungai Gombak akan dibangunkan

menjadi '*waterfront*' yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi melalui projek 'River of Life'.

4. Menambah baik perkhidmatan di Kuala Lumpur/ Lembah Klang

Jurang dalam perkhidmatan asas akan ditangani untuk memastikan bandar raya berfungsi dengan baik dan sesuai dihuni. Usaha ini bukan sahaja dapat meningkatkan tahap kesesuaian dihuni di bandar, tetapi juga meningkatkan potensi pelancongan dan komersil. Di samping itu, usaha- usaha akan dipergiatkan lagi bagi menambah baik penyediaan khidmat kutipan sampah dan pengurusan sisa pepejal.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING
(KULAI)

TARIKH

29.03.2012

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [KULAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah kekurangan tenaga pengajar di SJKC di negara kita, dan apakah penyelesaian menyeluruh yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kekurangan tenaga pengajar di SJKC ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa peka terhadap isu

kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di negara ini dan sentiasa berusaha mengatasi masalah tersebut. Berdasarkan ABM perjawatan 2012, keperluan guru SJKC pada 31 Januari 2012 adalah seramai 38,046 orang. Pengisian yang telah dibuat sehingga tarikh tersebut adalah 36,172 orang. Ini bermakna terdapat kekurangan seramai 1,874 orang guru di SJKC. Walau bagaimanapun, sebagai langkah penyelesaian sementara bagi mengisi kekosongan jawatan di awal sesi persekolahan, KPM telah membenarkan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) melantik Guru Interim di mana perlantikan guru tersebut dilaksanakan mulai 3 Januari 2012.

KPM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Mengenai Isu Kekurangan Guru di SJKC. Jawatankuasa tersebut telah dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran dan beberapa siri mesyuarat serta perbincangan telah diadakan bagi mencari penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi isu berkenaan.

Rjm 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]
TARIKH 29 MAC 2012
SOALAN

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

a) apakah jenis-jenis dan jumlah harga ubat-ubat yang

dirampas oleh Kementerian di Semenanjung
Malaysia,

Sabah dan Sarawak pada tahun-tahun 2008, 2009, 2010,
dan 2011 masing-masing; dan

- b) apakah sebab-sebab berlakunya penambahan-penambahan yang begitu serius itu dan apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk memeranginya

I

Tuan Yang di-Pertua

Rampasan produk ubat-ubatan yang menyalahi undangundang oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah berjumlah RM27.56 juta pada tahun 2008, RM 11.94 juta pada tahun 2009, RM 13.90 juta pada tahun 2010 dan RM19.21 juta pada tahun 2011.

Rampasan ini dibuat kerana pelbagai pelanggaran keatas akta dan peraturan yang dikuatkuasakan seperti produk tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), pemilikan oleh orang yang tidak diberikuasa, tidak mengikut peraturan perekodan dan penyimpanan.

Jenis produk ubat-ubatan yang dirampas tersebut adalah dari kategori:

- a) Produk tidak berdaftar mengandungi bahan terkawal seperti perangsang seks, agen pelangsing, steroid, bahan psikotropik, antibiotik dan Racun Berjadual yang lain;
- b) Produk ubat-ubatan yang boleh dijual secara atas kaunter (OTC) tidak berdaftar seperti Paracetamol; Balsem; dan
- c) Produk ubat-ubat tradisional tidak berdaftar.

Daripada nilai rampasan pada tahun 2011 yang bernilai RM19.21 juta, 69.09% terdiri dari pada produk bahan terkawal, 10.55% produk OTC dan 20.36% produk tradisional. Dari segi pendaftaran produk, didapati sebanyak 76.36% rampasan produk ubat-ubatan ini adalah terdiri daripada produk tidak berdaftar dengan PBKD.

Antara faktor yang menyumbang kepada jumlah rampasan yang besar ini adalah kerana tindakan penguatkuasaan yang berterusan melalui aktiviti risikan dan pemantauan pasaran yang kini dapat dilakukan dengan lebih intensif hasil tambahan anggota penguatkuasa farmasi sejak khidmat wajib Pegawai Farmasi dalam sector awam dilaksanakan. Bilangan serbuan yang dilaksanakan bertambah iaitu sebanyak 784 pada tahun 2008, 914 pada tahun 2009, 1,026 pada tahun 2010 dan 1,081 pada tahun 2011.

Di samping itu, tindakan mewajibkan pendaftaran produk dengan PBKD dan penggunaan pelekat keselamatan hologram Meditag pada produk ubat-ubatan juga telah membantu Pegawai Penguatkuasa Farmasi mengesan produk tidak berdaftar dengan cepat.

Undang-undang negara pada ketika ini masih tidak memerlukan premis seperti kedai ubat, kedai runcit, syarikat jualan langsung dan sebagainya yang menjual produk ubat-ubatan OTC dan tradisional dikawal dan

dilesenkan oleh Kementerian Kesehatan. Ini menyebabkan kewujudan premis-premis seperti ini berkembang dengan pesat. Disamping itu, undang-undang sedia ada dengan hukuman yang tidakmenyerikkan (*deterrent*) juga menyumbang kepada peningkatan penjualan produk tidak berdaftar.

Tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memerangi perkara ini adalah dengan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan dari segi pemantauan dan risikan, meningkatkan aktiviti pencegahan dan kempen-kempen untuk kesedaran pengguna. Kementerian ini telah menggubal undang-undang baru farmasi untuk kawalan yang lebih efektif dengan peruntukan hukuman yang lebih menyerikkan.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
DATO' SERI ONG KA
CHUAN [TANJUNG MALIM

TARIKH

] 29.03.2012 (KHAMIS)
DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJUNG MALIM] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
menyatakan kadar kenaikan Indeks Harga Pengguna (CPI) Januari 2012
berbanding dengan tempoh yang sama sebelumnya. Pengurangan subsidi
Kerajaan ke atas barang keperluan asas seperti gula, tepung dan petrol telah
memberi kesan langsung ke atas kenaikan harga makanan. Sejauh manakah
usaha Kementerian dalam menangani kenaikan harga barang makanan yang
boleh menjejaskan kualiti hidup rakyat telah berhasil.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Indeks Harga Pengguna (IHP) merupakan suatu kaedah yang digunakan untuk mengukur inflasi. IHP mengukur harga purata barangan dan perkhidmatan yang biasanya digunakan oleh pengguna pada tempoh masa yang ditetapkan. IHP Januari 2012 berbanding Januari 2011 dicatatkan meningkat sebanyak 2.7% manakala IHP Disember 2011 berbanding Disember 2010 pula direkodkan meningkat sebanyak 3.0%.

Dalam menangani kenaikan harga barang juga, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif yang diharap akan membantu meringankan beban rakyat. Antara langkah dan strategi yang telah dan sedang diambil adalah seperti program Menu Rakyat 1 Malaysia (MR1M), Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M), Kempen Penurunan Harga, Program Penyeragaman Harga dan pelbagai program lain yang bertujuan bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

Kedai Rakyat 1 Malaysia merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam memastikan kehidupan rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah di bandar adalah terpelihara dari tekanan akibat kenaikan kos sara hidup. Kebajikan rakyat sewajarnya dijamin agar sentiasa dapat memperolehi barangan keperluan pada harga rendah dan berkualiti. Inisiatif ini juga merupakan salah satu alternatif kepada rakyat dalam membuat pilihan untuk membeli barangan keperluan yang berjenama ataupun tidak, berdasarkan kemampuan masing-masing. Projek KR1M dibangunkan dengan konsep menjual barangan keperluan pada harga rendah tanpa mementingkan jenama barangan, namun kualiti barangan tetap diutamakan. Harga barangan yang dijual di KR1M telah ditetapkan pada harga diantara 30% hingga 50% lebih rendah berbanding barangan serupa di bawah jenama lain. Kerajaan telah mensasarkan sebanyak 85 premis KR1M dibuka di seluruh negara sehingga tahun 2012. KR1M ini dicadang untuk diperbanyakkan lagi di seluruh negara dengan sasaran sekurang-kurang satu premis di setiap negeri.

Program Menu Rakyat 1 Malaysia pula merupakan salah satu lagi inisiatif Kerajaan dalam membantu rakyat mendapatkan makanan dengan harga yang berpatutan berikutan kenaikan harga barang di pasaran. Program dengan kerjasama Kementerian dan pengusaha premis makanan ini telah diperkenalkan pada 7 Julai 2011 yang menawarkan pakej makanan dengan harga berpatutan bagi sarapan pagi bagi Semenanjung Malaysia: Maksima RM2.00; dan Sabah & Sarawak: Maksima RM2.50. Manakala bagi makan tengahari adalah di Semenanjung Malaysia: Maksima RM4.00 dan Sabah & Sarawak: Maksima

RM5.00. Sehingga 27 Februari 2012, sebanyak 1,355 restoran mengambil bahagian dalam MR1M.

Kempen Penurunan Harga yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dengan kerjasama Industri Peruncitan di Malaysia bagi menawarkan barang keperluan makanan utama dengan harga yang berpatutan. Jumlah peratus penurunan harga adalah di antara 2 hingga 92 peratus dan penyertaan kempen ini adalah secara sukarela.

Manakala Program Penyeragaman Harga pula merupakan inisiatif Kerajaan untuk menyeragamkan harga barang keperluan di kawasan bandar dan luar Bandar. Program ini terdiri daripada Projek Pengedaran Barang Perlu, Penyeragaman Harga Gas Petroleum Cecair (LPG) serta Petrol dan Diesel (*Community Drumming*) yang dilaksanakan mulai 2009. Program ini dilaksanakan untuk mengatasi masalah harga barang keperluan yang tinggi di kawasan pedalaman dan mengatasi masalah pengedaran barang keperluan tersebut kepada penduduk di kawasan berkenaan.

NO.SOALAN: 28

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA _____ PARLIMEN KE-

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD.
YUSOFF (RANTAU PANJANG)**

TARIKH 29 MAC 2012

SOALAN

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta
PERDANA MENTERI menyatakan status halal dalam minuman
Coca-Cola.**

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, minuman Coca-Cola yang dikeluarkan di **negara ini** adalah halal dan telah mendapat sijil halal daripada JAKIM. Sijil halal tersebut sah sehingga 15 Julai 2013.

JAKIM telah membuat penilaian terhadap ramuan dan proses pembuatan produk berkenaan mengikut standard halal Malaysia MS1500:2009 sebelum diluluskan sijil halal.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB
LISAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

No. Soalan: [18]

PERTANYAAN JAWAB LISAN

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]

~~DARIKADA~~

Khamis, 29 Mac 2012

SOALAN

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta
MENTERI LUAR NEGERI

menyatakan adakah Malaysia memainkan
apa-apa peranan untuk mencari
penyelesaian kepada masalah dalam
negara Syria.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pergolakan politik yang menjejaskan keselamatan di Syria masih berterusan. Sehingga kini Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan hampir 7,500 orang awam telah terkorban di Syria sejak pemberontakan bermula pada 16 Mac 2011.

3. Malaysia memandang berat konflik yang semakin meruncing di Syria yang pastinya akan memberi kesan terhadap kestabilan serantau dan geopolitik dunia. Malaysia akan terus bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa dalam mencari penyelesaian kepada konflik di Syria menerusi peringkat dua hala mahupun peringkat pelbagai hala.

4. Dalam hal ini, semasa lawatan PYT Dr. Bouthaina Shaaban, Utusan Khas kepada Presiden Syria ke Malaysia pada 10-12 Oktober 2011, Malaysia telah menyuarkan kebimbangan terhadap apa yang berlaku di Syria. Selain itu, semasa Mesyuarat Terbuka Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di peringkat Menteri yang diadakan di Jeddah, Arab Saudi pada 30 November 2011, Malaysia telah menyokong penuh usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Liga Arab bagi menyelesaikan krisis Syria secara damai. Malaysia turut

menyeru supaya semua pihak menggunakan dialog sebagai mekanisme untuk menamatkan kebuntuan serta mengelakkan pertumpahan darah. Justeru, adalah jelas terbukti bahawa Malaysia sentiasa komited dalam membela nasib umat Islam di seluruh dunia.

5. Malaysia juga turut menyokong resolusi Perhimpunan Agung PBB pada 16 Februari 2012 yang mempamerkan keprihatinan Malaysia terhadap keadaan di negara tersebut. Malaysia berharap Kerajaan Syria mengambil iktibar daripada resolusi UNGA yang mencerminkan kebimbangan dan harapan masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan PBB, China dan Rusia berhak menggunakan kuasa veto mereka ke atas sebarang draf resolusi Majlis Keselamatan PBB termasuk ke atas resolusi pada 4 Februari 2012.

7. Dalam hal ini, Malaysia menyokong usaha mencari jalan penyelesaian secara damai demi kepentingan rakyat Syria dan untuk keamanan dan keselamatan serantau dan antarabangsa. Ini boleh dilakukan melalui PBB dan pertubuhan kerjasama serantau seperti Liga Arab dan Majlis Kerjasama Teluk. Walau bagaimanapun, sebarang penyelesaian haruslah menghormati prinsip-prinsip demokrasi, kedaulatan dan integriti wilayah Syria, selaras dengan peruntukan Piagam PBB. Sehubungan ini Malaysia telah menyokong penubuhan satu Suruhanjaya Penyiasatan bagi menyiasat pencabulan hak asasi manusia melalui resolusi Majlis Hak Asasi Manusia pada 2 Disember 2011. Malaysia juga menolak sebarang campur tangan bersenjata di Syria.

8. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mempunyai dasar luar yang tidak mencampuri hal ehwal dalaman sesebuah negara. Dalam hal ini, Malaysia berharap agar konflik di Syria dapat diselesaikan melalui dialog dan secara aman dan demokratik. Malaysia juga sentiasa memantau perkembangan di rantau tersebut dan mengambil langkah- langkah yang wajar demi memastikan keselamatan rakyat Malaysia di Syria.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia juga masih belum mempunyai rancangan untuk mengemukakan cadangan menerusi landasan OIC supaya satu pasukan pengaman dari kalangan tentera negara-negara anggota OIC dihantar bagi menghentikan keganasan terhadap orang awam di Syria. Ini bagi mengelakkan daripada campur tangan di dalam urusan dalaman negara tersebut serta membenarkan pelan-pelan yang disediakan oleh PBB dan Liga Arab dikuatkuasakan. Malaysia juga percaya dengan pelantikan Kofi Annan, bekas Setiausaha Agung PBB sebagai Utusan Khas PBB - Liga Arab ke Syria, dapat membantu menyelesaikan konflik di negara tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]
TARIKH 29 MAC 2012
SOALAN

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakah hospital swasta dan awam di negara yang diiktiraf dengan status seperti JCI, TAS dan akreditasi antarabangsa yang lain serta apakah tindakan telah diambil oleh kementerian untuk membantu hospital-hospital dalam negara mencapai akreditasi ini.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengawalselia hospital swasta selaras dengan ketetapan yang digariskan bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006. Dalam mengawalselia kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta, KKM amat mementingkan keselamatan pesakit dan kualiti jagaan

kesihatan yang disediakan. Pihak hospital swasta dikehendaki memastikan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan adalah berkualiti selaras dengan keperluan yang ditetapkan bawah Seksyen 74, 75 dan 76, Akta 586.

Oleh itu, selain dari hospital Kerajaan, KKM turut menggalakkan hospital swasta untuk mendapatkan pengiktirafan akreditasi, sama ada, dari dalam negara seperti yang dikendalikan oleh *Malaysian Society for Quality in Health* (MSQH) ataupun pengiktirafan antarabangsa seperti yang dilaksanakan oleh *Joint Commission International* (JCI).

Sehingga 5 Disember 2011, terdapat sebanyak 7 buah hospital swasta dan 1 pusat jagaan ambulatori swasta yang telah mendapat pengiktirafan JCI. Pihak KKM dapat mempromosikan imej hospital swasta yang telah diakreditasi di peringkat nasional dan antarabangsa dari segi pelancongan kesihatan dan penyediaan perkhidmatan kesihatan atau perubatan yang berkualiti dan selamat.

Tuan Yang di-Pertua

KKM yakin dengan kerjasama semua pihak, usaha meningkatkan kualiti sama ada di hospital Kerajaan atau pun swasta boleh dilaksanakan dengan cekap dan berkesan untuk memastikan keselamatan pesakit dan kualiti jagaan kesihatan selaras dengan hasrat Kerajaan **“Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan”**.

Tuan Yang Di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memberikan penekanan kepada kecemerlangan kualiti perkhidmatan dan keselamatan pesakit (*quality of services and patient safety*) setaraf dengan kualiti perkhidmatan antarabangsa.

Oleh itu, penetapan serta kepatuhan terhadap piawaian-piawaian tertentu untuk setiap perkhidmatan yang diberikan oleh pihak hospital adalah amat perlu dalam usaha murni KKM untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat. Program akreditasi hospital merupakan salah satu Program Kepastian Kualiti yang dijalankan oleh badan persijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa ke atas hospital-hospital di Malaysia.

Sehingga 29 Februari 2012, sebanyak 108 buah hospital daripada 136 buah hospital KKM iaitu sebanyak 79.4% telah menjalani penilaian akreditasi. Daripada bilangan ini, 50 buah hospital (46.3%) mengekalkan pensijilan akreditasi, manakala, baki 58 buah hospital (53.7%) adalah dalam proses penilaian semula bagi mengekalkan pensijilan akreditasi.

Selain itu, beberapa inisiatif telah diambil untuk membantu mencapai status akreditasi hospital-hospital KKM, iaitu

- i. KKM menyediakan agihan peruntukan untuk pelaksanaan akreditasi juga memastikan dan memantau hospital mendapat latihan teknikal yang diperlukan untuk penyediaan dan pelaksanaan penilaian akreditasi;
- ii. KKM memastikan perjalanan proses akreditasi berjalan dengan lancar mengikut garis panduan dan arahan perbendaharaan;
- iii. Mendapatkan maklumbalas pelaksanaan akreditasi daripada semua Pengarah Hospital dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri;
- iv. Pelaksanaan akreditasi hospital-hospital KKM dipantau secara berterusan bagi menentukan impak yang berkesan dengan

menetapkan indikator pencapaian (KPI) Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia;

- v. Usahasama KKM dengan agensi yang berkaitan iaitu *Performance Management and Delivery Unit* (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri dalam membangunkan pelaksanaan akreditasi; dan
- vi. Jawatankuasa *Panel Expert* Akreditasi memainkan peranan dalam pendekatan meningkatkan pencapaian pelaksanaan akreditasi. Contoh : membantu dalam pembangunan modal insan terhadap hospital-hospital KKM.

Dengan tercapainya status akreditasi bertaraf antarabangsa, kualiti perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada rakyat adalah terjamin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHOWKON YEOW [TANJONG]
TARIKH : 29 MAC 2011

SOALAN

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perkembangan kajian PEMANDU Greater Pulau Pinang dan apakah rancangan ini akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10.

JAWAPAN

Makmal Greater Pulau Pinang telah berjaya dijalankan oleh PEMANDU dan NCIA (Northern Corridor Implementation Authority) bersama-sama dengan Kerajaan Negeri dan pihakberkuasa tempatan sebagai sebahagian daripada Makmal Koridor dan Bandaraya.

Untuk memberikan gambaran keseluruhan, Makmal Koridor dan Bandaraya ialah usaha sama antara PEMANDU dan agensi-agensi Korridor. Makmal ini bermatlamat untuk menyelaraskan projek-projek Korridor dengan projek-projek peringkat Persekutuan, untuk perkongsiaan amalan terbaik dan untuk memberikan keutamaan kepada projek yang mempunyai impak tertinggi dari segi GNI dan peluang pekerjaan.

Program Transformasi Koridor dan Bandaraya menggunakan konsep 'Entry

Point Project' (EPP) yang sama seperti dalam ETP. Dengan mengambil pendekatan berbutir dan memberikan keutamaan kepada bidang utama dalam Makmal, projek-projek ini akan memulakan pembangunan dalam sector ekonomi dan bandaraya yang akan memberikan lebih peluang untuk muncul di rantau Koridor.

EPP Koridor ditakrifkan sebagai projek-projek yang dilaksanakan bertempat dalam Negeri dan di bawah bidang kuasa agensi Koridor. Terdapat beberapa kes di mana EPP daripada Koridor sejajar dengan menjadi sebagian daripada ETP dan diuruskan di peringkat Persekutuan dan dipantau oleh PEMANDU. EPP daripada Program Transformasi Koridor dan Bandaraya tidak merupakan lanjutan daripada 131 EPP yang dikenalpasti di bawah ETP.

Hasil daripada Makmal ini akan ditampikan oleh agensi-agensi Koridor masing-masing seperti yang dilakukan oleh SEDIA dan IRDA baru-baru ini. Ini juga akan menjadi keadaan bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara di bawah bidang kuasa NCIA.

NO. SOALAN: 21

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED
JAAFAR ALBAR [KOTA TINGGI]

TARIKH : 29 MAC 2012

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapa besarkah keluasan tanah rizab Melayu di seluruh negara dan sekiranya ada tanah yang sudah keluar dari status tanah rizab Melayu jelaskan sama ada tanah tersebut sudah diganti mengikut keluasan yang telah ditetapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod yang dikemukakan oleh Pentadbiran Tanah Negeri-negeri yang mempunyai Tanah Rizab Melayu, jumlah Keluasan Tanah Rizab Melayu di Semenanjung Malaysia sehingga 31 Disember 2011 ialah 4.362 juta hektar. Keluasan ini termasuklah tanah-tanah Rizab Melayu yang telah dibatal termasuk yang diganti semula seluas 19,604.16 hektar.

Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Tanah- tanah Rizab Melayu yang telah dibatalkan statusnya hendaklah diganti dengan mana-mana tanah lain yang sama jenis dan keluasan yang tidak melebihi dari keluasan tanah yang dibatalkan itu. Dalam hubungan ini, jika penggantian itu melibatkan faktor nilai tanah, maka, pendekatan sedemikian adalah amalan pentadbiran sebagaimana yang difikirkan

patut oleh Pihak Berkuasa Negeri bersesuaian dengan kuasa-kuasa yang diperuntukkan dalam Senarai Kedua, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan iaitu tanah adalah dalam bidang kuasa negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA YB DR. LEE BOON CHYE
TARIKH 29 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap 3 pegawai SPRM yang disyorkan dikenakan tindakan yang setimpal oleh Suruhanjaya DiRaja untuk menyiasat kes kematian Teoh Beng Hock semasa di dalam tahanan SPRM.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Peguam Negara telah meneliti keterangan yang dikemukakan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) hasil daripada siasatan semasa prosiding inkues dan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang ditubuhkan bagi menyiasat kematian Teoh Beng Hock.
2. Hasil penelitian yang dibuat secara terperinci, Jabatan Peguam Negara mendapati tidak wujud kesalahan jenayah oleh 3 orang pegawai

NO. SOALAN: 22

SPRM tersebut bagi apa-apa kesalahan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] atau Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]. Sehubungan itu, tiada tindakan undang-undang telah diambil terhadap ketiga-tiga pegawai SPRM tersebut.

3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga telah menubuhkan satu Pasukan Siasatan Khas SPRM untuk menyiasat sekiranya wujud kesalahan atau pelanggaran oleh pegawai-pegawai SPRM yang dinamakan dalam Laporan berkenaan terhadap Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan mana-mana peraturan atau arahan daripada Pengurusan Tertinggi SPRM berkaitan dengan prosedur siasatan.

4. Hasil daripada siasatan tersebut, diputuskan bahawa hanya satu pertuduhan tatatertib boleh dibuat terhadap pegawai SPRM iaitu pertuduhan atas kesalahan tidak mengawal selia saksi semasa siasatan.

5. Jabatan Peguam Negara juga merumuskan bahawa SPRM perlu mengambil tindakan bagi mengemaskini Prosedur Pengendalian Standard (Standard Operating Procedure) SPRM supaya selari dengan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, syor Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja serta undang-undang antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID

[PADANG BESAR]

TARIKH : 29 MAC 2012

SOALAN

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta PERDANA MENTERI menyatakan memberi penjelasan dan unjuran sejauh manakah impak dan kesan kepada ekonomi negara ini ekoran dari kemelesetan ekonomi yang hari ini telah mulai melanda negara-negara Eropah, dan telah juga di khuatir melanda Amerika Syarikat, dan apakah persediaan negara Malaysia dalam menghadapi ancaman ini.

JAWAPAN

Pada tahun 2012, kedudukan ekonomi dunia dijangka akan lebih mencabar berikutan daripada kadar pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat yang perlahan dan kedudukan ekonomi negara-negara Eropah yang terjejas akibat krisis hutang kerajaan berdaulat. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah mengunjurkan semula kadar pertumbuhan ekonomi dunia pada paras 3.3% dan 3.9% pada tahun 2012 dan 2013 berbanding 3.8% pada tahun 2011. Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka akan diterajui oleh *new emerging economies* seperti China dan India masing-masing pada 8.2% dan 7.0% pada tahun 2012, dan 8.8% dan 7.3% pada tahun 2013 berbanding 9.2% dan 7.4% pada tahun 2011. Negara-negara ASEAN termasuk Malaysia pula dijangka akan berkembang sebanyak 5.2% dan 5.6% pada tahun 2012 dan 2013

berbanding 4.8% pada tahun 2011.

Walaupun dunia dilanda ketidaktentuan ekonomi, Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang agak baik iaitu 5.1% bagi tahun 2011 mengatasi unjuran purata di bawah 5.0% oleh penganalisis ekonomi melalui *consensus poll* Bloomberg. Pencapaian lebih baik ini disumbang oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan turut disokong oleh prestasi eksport negara yang baik terutama barangan komoditi.

Pertumbuhan ekonomi negara dijangka akan berkembang antara 4.5% - 5.0% pada tahun 2012 dengan permintaan dalam negeri sebagai pemacu utama pertumbuhan. Penggunaan swasta dijangka berkembang 6.2% disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna berikutan harga komoditi yang lebih kukuh, pertambahan peluang- peluang pekerjaan baru dan pemberian BR1M.

Pelaburan swasta dijangka berkembang sederhana sebanyak 8.3% berikutan ketidaktentuan ekonomi dunia dan diimbangi oleh pelaburan awam sebanyak 16.2%. Pelaburan awam dan swasta akan disokong oleh projek-projek KL MRT, Pusat Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur, pembinaan Loji *Regasification* Gas Asli Cecair (LNG) oleh PETRONAS, KLIA2, landasan keretapi berkembar (Gemas-JB), projek Program Transformasi Ekonomi (ETP) serta projek-projek penswastaan dan perkongsian awam-swasta.

Pelaburan di lima wilayah koridor akan dipergiat termasuk pembinaan lebuh raya persisiran pantai Johor Bahru-Nusa Jaya di Iskandar Johor, projek pelancongan warisan Taiping di wilayah Koridor Utara, projek agropolitan Besut di Koridor Pantai Timur, projek kelompok industri berasaskan kelapa sawit Lahad Datu di Wilayah Koridor Sabah dan projek bekalan air Samalaju di Wilayah Koridor Sarawak.

Kerajaan komited untuk mengurangkan defisit Kerajaan Persekutuan daripada 5.0% pada tahun 2011 kepada kurang daripada 3% menjelang tahun 2015. Bagi mencapai hasrat ini, pengurusan fiskal Kerajaan akan ditambah baik dengan mengutamakan nilai untuk wang bagi setiap perbelanjaan Kerajaan dan memperluas asas hasil Kerajaan. Projek- projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh akan dipercepat dan dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Perbelanjaan pembangunan bukan fizikal akan turut diberi keutamaan bagi menyokong pembangunan modal insan, peningkatan produktiviti, kreativiti dan inovasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA **TUAN GOBIND SINGH DEO**
 [PUCHONG]
TARIKH **29 MAC 2012**
RUJUKAN **4497**

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan PATI di kawasan Parlimen Puchong dan apakah tindakan Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah tersebut khususnya di mana mereka bekerja di pasar-pasar seperti Pasar Borong di kawasan Dun Seri Serdang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang

mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tamat tarikh Proses Pendaftaran Program 6P pada 31 Ogos lalu, seramai **2,320,034** orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 (56%) adalah PATI dan seramai 1,016,908 orang (44%) pula adalah pekerja asing yang sah. Kementerian tidak merekodkan statistik PATI bagi kawasan Parlimen Puchong. Namun demikian, jumlah PATI yang didaftarkan di negeri Selangor ialah seramai 353,306 orang.

Bentuk kawalan yang dilakukan bagi menghindari kebanjiran PATI sebelum masuk ke Malaysia adalah:

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan

iv) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

Manakala kawalan setelah berada dalam negara adalah:

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing seperti di kawasan pasar dan pasar borong.

Soalan No:

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO (HULU RAJANG)
TARIKH	29.03.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG] minta Menteri Pelajaran

menyatakan apakah rasional Kementerian mewajibkan para pelajar jurusan Sains lulus mata pelajaran Sejarah untuk peperiksaan SPM bermula pada tahun ini sebagai syarat memperolehi sijil penuh SPM dan adakah langkah ini wajar dilakukan dengan begitu mendadak tanpa sebarang tempoh penyesuaian sebelum implementasi untuk guru-guru serta pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejarah merupakan salah satu mata pelajaran penting dalam kurikulum pendidikan kebangsaan. Dengan merujuk kepada Kurikulum Baru Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula diperkenalkan sejak tahun 1989, mata pelajaran Sejarah telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras yang wajib dipelajari dan diambil oleh murid dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) serta Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala di peringkat pendidikan rendah, mata pelajaran ini diajar secara merentas kurikulum dalam mata pelajaran Kajian Tempatan ketika murid-murid di Tahap Dua iaitu Tahun 4, 5 dan 6 dan diuji secara Penilaian Kendalian Sekolah Rendah (PKSR). Di peringkat pengajian tinggi pula, umpamanya kemasukan hampir ke semua kursus yang ditawarkan ke Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), calon-calon mestilah memiliki sekurang-kurangnya lulus mata pelajaran ini di peringkat SPM. Mata pelajaran ini juga wajib diikuti oleh semua guru-guru praperkhidmatan dalam kursus persediaan Program Ijazah sarjana Muda Pendidikan.

Ini menunjukkan bahawa mata pelajaran ini amat penting bagi memastikan modal insan yang dilahirkan melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan **tidak buta sejarah**, menghargai, menyayangi, patriotik dan seterusnya memahami bagaimana terbentuknya sebuah negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat. Langkah Kerajaan menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran **wajib lulus** dalam peperiksaan SPM mulai tahun **2013** sekurang-kurangnya Gred E juga merupakan satu langkah yang tepat dan selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, agar modal insan yang dilahirkan mempunyai ilmu

pengetahuan, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta mampu memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara.

Selain itu, untuk memastikan generasi muda dapat dibentuk dan didedahkan dengan pengetahuan sejarah di peringkat awal persekolahan lagi, **Kementerian telah memutuskan supaya mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah akan diperkenalkan mulai 2014 di Tahap II, Tahun 4 secara berperingkat-peringkat. Manakala untuk melihat pencapaian murid terhadap mata pelajaran ini, murid-murid akan dinilai melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sepenuhnya.** Ini adalah untuk memastikan sistem pendidikan negara mampu melahirkan generasi baru yang tidak mudah terpengaruh dengan dakwah pihak-pihak yang berkepentingan tertentu, malah berupaya untuk membuat pertimbangan tepat berlandaskan ilmu pengetahuan yang dipelajari.

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

**LISAN
TUAN SIM TONG HIM [KOTA
MELAKA]**

TARIKH

29 MAC 2012

SOALAN:

TUAN SIM TONG HIM minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang pencapaian Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung dengan penambahbaikan Proses Pilihan Raya:-

- (a) berapa sesi pendengaran telah diadakan dan berapa cadangan diterima oleh jawatankuasa ini; dan
- (b) nyatakan semua syor-syor dan cadangan jawatankuasa ini kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dan di antaranya berapa akan diterima dan digunakan.

SOALAN NO.

26 JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Seperti mana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 1 Disember tahun lalu, YB Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas ini, di dalam laporan interimnya, telah membentangkan 10 syor dan telah pun diluluskan di dalam dewan yang mulia ini. Syor-syor tersebut merupakan natijah daripada 4 sesi pendengaran awam yang telah diadakan dan telah pun dikemukakan kepada SPR selaku agensi teraju iaitu agensi yang bertanggungjawab bagi melaksanakan syor- syor tersebut.

SPR telah memaklumkan bahawa sebahagian syor tersebut telah pun diberi perhatian dan tindakan-tindakan wajar telah dan sedang dilakukan untuk merealisasikannya. Bagaimanapun, memandangkan terdapat syor-syor baharu yang dikemukakan dalam beberapa sesi pendengaran awam lagi yang telah diadakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya selepas pembentangan laporan interim pada 1 Disember tahun lalu, SPR menjangkakan terdapat beberapa perkara lain yang akan turut sama diangkat sebagai syor oleh Jawatankuasa di dalam laporan akhirnya yang akan dibentangkan pada sesi Mesyuarat Dewan Rakyat ini nanti.

SOALAN NO. 26

Setelah itu, baharulah SPR dapat merencana kaedah dan pelaksanaan syor-syor tersebut dengan lebih terperinci dan tersusun mengikut kerangka perundangan dan kesesuaian masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
(TENGGARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2012

Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula perincian program Skim Rumah Pertamaku khususnya dari segi kelayakan bagi pendapatan isi rumah bersama daripada RM3,000 kepada RM6,000 memandangkan pihak bank kurang berminat untuk menyediakan pembiayaan program ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan Skim Rumah Pertamaku pada bulan Mac 2011. Skim ini diperkenalkan bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja untuk memiliki rumah sendiri. Di bawah skim ini, Cagamas akan memberi jaminan sebanyak 10% daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90%. Skim ini membolehkan mereka mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka.

2. Sehingga 31 Januari 2012, sejumlah 1,623 permohonan yang bernilai RM238.9 juta telah diterima untuk mendapatkan pembiayaan di bawah skim ini. Daripada jumlah tersebut, 280 permohonan telah berjaya diberikan jaminan

dengan nilai pinjaman RM41.1 juta. Sebahagian besar peminjam adalah terdiri daripada kaum Cina iaitu seramai 152 peminjam atau 55%, diikuti kaum Melayu seramai 93 peminjam (33%) dan kaum India seramai 29 peminjam (10%).

3. Jika dikategorikan mengikut negeri, Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 96 permohonan bernilai RM14.4juta, diikuti oleh Kuala Lumpur (57 permohonan; RM8.5 juta), Johor (32 permohonan; RM4.8 juta), Pulau Pinang (21 permohonan; RM2.9 juta), Perak (20 permohonan; RM2.8 juta), Melaka (17 permohonan; RM2.4 juta), Sabah (13 permohonan; RM1.9 juta), Kedah (8 permohonan; RM1.1 juta), Negeri Sembilan (7 permohonan; RM916.5 ribu), Pahang (6 permohonan; RM966.9 ribu), Terengganu (2 permohonan; RM265 ribu) dan Sarawak (1 permohonan; RM192 ribu). Bagi negeri Perlis, Kelantan serta Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya, masih tiada permohonan diterima sehingga 31 Januari 2012.

Tuan Yang Di-pertua,

4. Kerajaan memahami keperluan rakyat untuk memiliki rumah dengan harga berpatutan dan berkualiti terutamanya oleh golongan muda yang baru bekerja. Untuk itu, dalam Bajet 2012, Kerajaan telah menambahbaik skim Rumah Pertamaku dengan meningkatkan had maksimum harga rumah daripada RM220 ribu kepada RM400 ribu. Penambahbaikan ini membolehkan pembelian rumah melalui pinjaman bersama suami isteri yang masing-masing berpendapatan RM3,000 ke bawah membeli rumah kediaman bernilai sehingga RM400 ribu. Walau bagaimanapun, bagi pemohon individu yang berpendapatan RM3,000 ke bawah, had kelayakan nilai rumah dikekalkan. Kriteria-kriteria ini ditetapkan selaras dengan syarat pembayaran balik jumlah komitmen tidak boleh melebihi 55% daripada pendapatan kasar bulanan serta bagi mengelakkan pendedahan yang besar terhadap hutang.

5. Pecahan mengikut bank dan umur pemohon, sebahagian besar permohonan diterima daripada Public Bank Berhad (65 permohonan), Alliance

Bank Berhad (62 permohonan), Malayan Banking Berhad (36 permohonan) dan Alliance Islamic Bank (35 permohonan). Manakala mengikut umur, sebahagian besar penerima jaminan adalah dalam lingkungan umur antara 24 dan 29 tahun iaitu seramai 187 orang.

Tuan Yang Di-pertua,

6. Sambutan rakyat di Sabah terhadap Skim Rumah Pertamaku adalah menggalakkan. Seperti yang telah dinyatakan tadi, seramai 13 peminjam adalah dari negeri Sabah dengan jumlah pinjaman bernilai RM1.9 juta. Selain daripada skim ini, Kerajaan juga menyediakan pelbagai inisiatif lain bagi membantu rakyat memiliki rumah yang selesa dan mampu milik termasuk Program Perumahan Rakyat dan Program Rumah Mesra Rakyat. Adalah diharapkan rakyat dapat mengambil peluang ini dengan sebaiknya bagi membaiki taraf hidup mereka.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA
PE
RT
AN
YA
AN

LISA
N

TARIKH

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITING AN
(KENINGAU)

29.03.2012

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian sedar masih banyak bangunan sekolah-sekolah rendah dan menengah dari luar bandar, khususnya di daerah Keningau dan Tambunan dalam keadaan kurang memuaskan dan masalah kekurangan asrama untuk menampung pertambahan murid, jika sedar, apakah tindakan Kementerian untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi membiayai pembinaan dan menaiktaraf semua sekolah di seluruh negara sama ada di kawasan bandar mahupun di luar bandar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan serta keupayaan menyediakan infrastruktur fizikal dan guru-guru yang berkelayakan dan mencukupi. Sehubungan itu, dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10), kerajaan telah meluluskan pembinaan sekolah-sekolah di luar bandar di seluruh negara termasuklah di kawasan Ahli Yang Berhormat. Setakat ini melalui *First Rolling* RMKe10 sebanyak RM200 juta telah diluluskan melalui Program Pembangunan Luarbandar Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui program Pakej Ransangan Khas (PRK) 2012 di Parlimen Keningau / Tambunan, KPM telah merancang untuk melaksanakan 10 projek penyelenggaraan, iaitu:

- i. Tiga (3) buah sekolah bagi projek pembaikan struktur
- ii. Dua (2) buah sekolah penyelenggaraan pendawaian
- iii. Sebuah (1) sekolah melibatkan projek penggantian dan naiktaraf blok daif; dan
- iv. Empat (4) buah sekolah melibatkan projek pembaikan bumbung dan Cat

Rjm 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 29 MAC 2012

SOALAN

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah perlu meletakkan 3 tol 'booth' di Lebu Raya SUKE seperti yang dicadangkan kerana ia akan menambah beban pengguna lebu raya tersebut.

JAWAPAN

Cadangan Pembinaan Lebu Raya Sungai Besi - Ulu Kelang (Suke) secara penswastaaan telah dipersetujui secara prinsip oleh Kerajaan.

Pada masa kini, kajian terperinci dan rundingan dengan syarikat konsesi sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan. Memandangkan rundingan belum dimuktamadkan dan perjanjian konsesi belum ditandatangani, adalah terlalu awal {*pre mature*} bagi pihak Kerajaan untuk memberi maklum balas berhubung soalan ini.

31

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK MD SIRAT BIN ABU
(BUKIT KATIL)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2012

Y.B. DATUK MD SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah syarikat-syarikat pemegang AP (import permit kenderaan) yang mempunyai tunggakan cukai dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Senaraikan syarikat berkenaan dan jumlah tunggakannya serta apakah tindakan Kementerian dalam hal ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 99 senarai syarikat pemegang AP yang telah diwartakan sehingga tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 56 syarikat tidak mempunyai tunggakan cukai, 2 syarikat masih belum berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan 41 syarikat mempunyai cukai tertunggak berjumlah RM144,627,868.94. Walau bagaimanapun, senarai terperinci tunggakan cukai bagi setiap syarikat di atas adalah sulit di bawah seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967.

LHDNM telah mengambil tindakan seperti berikut ke atas 41 syarikat yang mempunyai cukai tertunggak:

- (i) 12 syarikat dalam tindakan guaman sivil;
- (ii) 22 syarikat telah diberikan surat peringatan;
- (iii) 5 syarikat sedang membuat peraturan bayaran; dan
- (iv) 2 syarikat mempunyai cukai tertunggak kurang daripada RM5,000.

LHDNM telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) Mengeluarkan surat peringatan kepada syarikat yang mempunyai tunggakan cukai;
- (ii) Menghubungi syarikat atau membuat lawatan ke premis bagi membincangkan cara bayaran boleh dibuat;
- (iii) Mengambil tindakan mahkamah sekiranya syarikat masih belum menjelaskan cukai tertunggak; dan
- (iv) Mengenakan sekatan perjalanan ke luar negara ke atas pengarah syarikat sehingga cukai dijelaskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MUHAMMAD BIN HUSSAIN

SOALAN NO.32

[PASIR PUTEH]

TARIKH 29 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

**Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :**

(a) adakah Kerajaan berpuas hati dengan perkhidmatan
pengangkutan awam; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji jenis-jenis
perkhidmatan pengangkutan awam dalam bandar seperti yang
dilaksanakan di beberapa negara jiran yang kelihatan lebih mesra
penduduk berpendapatan rendah.

SOALAN NO.32

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha dan bekerja keras untuk mempertingkatkan infrastruktur serta kualiti penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam bagi menjadikannya mod pilihan rakyat. Ini dapat dilihat melalui penstrukturan semula pengangkutan awam sediada melibatkan pengubalan Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 714) dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715).

Selain itu, Kerajaan juga menjadikan peningkatan penyediaan pengangkutan awam bandar sebagai salah satu inisiatif prioriti NKRA.

Fokus telah diberikan ke atas beberapa inisiatif merangkumi:

- i. Mempertingkatkan kapasiti sistem pengangkutan awam bagi menampung keperluan sediada serta masa hadapan;
- ii. Menjana permintaan menerusi penambahbaikan ke atas

SOALAN NO.32

- kualiti perkhidmatan;
- iii. Memastikan kenderaan berat tidak melalui kawasan pusat bandar;
 - iv. Penstrukturan dasar serta penguatkuasaan industri pengangkutan; dan
 - v. Pengurusan permintaan bagi mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian.

S.P.A.D juga telah menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Wilayah Greater KL / Klang Valley bagi tempoh 2010-2030 dengan misi untuk membangunkan sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang selamat, boleh diharap, efisien, responsif, mudah diakses, terancang, bersepadu, mampu dibayar dan mampan untuk meningkatkan pembangunan sosio ekonomi dan kualiti hidup penduduk bandar.

Pelan induk ini mengandungi polisi serta halatuju yang komprehensif merangkumi semua mod pengangkutan awam dan komponen berkaitan bagi melonjakkan penggunaan pengangkutan

SOALAN NO.32

awam oleh

SOALAN NO.32

semua penduduk tanpa mengira status. Antara strategi yang dikenalpasti termasuk:

- i. Perancangan rel bandar di sekitar Lembah Kelang termasuklah pertambahan kapasiti koc KTM komuter, pembangunan MRT merentas bandar Kuala Lumpur, sambungan laluan LRT ke Putra Height, sambungan laluan monorel, pembangunan monorel ke Putrajaya dan perubahan aliran *freight relief* bagi mengelakkan pertindihan laluan KTM komuter; dan
- ii. Perancangan bas merangkumi cadangan penetapan piawaian perkhidmatan bas, memperkenalkan sistem *Bus Rapid Transit* (BRT) yang menyediakan laluan khas bas, rancangan rangkaian bas tempatan, memperbaiki kebolehpercayaan (*reliability*) bas, mempertingkatkan aksesibiliti dengan mengambilkira batuan pertama dan terakhir, melengkapi bilangan kenderaan mengikut keperluan, program latihan bagi pemantapan pemandu, memperbaiki infrastruktur hentian bas, serta penyediaan maklumat dan penyepaduan tambang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

SOALAN N0.32

DARIPADA

**DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
(LENGGONG)**

TARIKH

29 MAC 2012

SOALAN

33

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kawalan, pemantauan atau tindakan yang dilakukan di pintu sempadan utara (Pengkalan Hulu, Gerik dan Utara Kedah) kerana begitu mudah kenderaan-kenderaan daripada negara jiran memasuki negara ini. Selain menyalahi peraturan lalu lintas, ia juga memungkinan penyeludupan atau perkara lain yang tidak diingini berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tugas mengawal pintu sempadan merupakan tanggungjawab bersama beberapa agensi Kerajaan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Berkaitan dengan aliran keluar masuk kenderaan, tanggungjawab tersebut adalah di bawah bidang kuasa JPJ bagi kenderaan persendirian manakala bagi kenderaan perdagangan adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat.

Kemasukan sementara kenderaan-kenderaan persendirian dari negara-negara jiran seperti Thailand adalah dikawal melalui pengeluaran Permit Peredaran Antarabangsa (ICP) selaras dengan peruntukan Seksyen 21 dan 25 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 serta persetujuan melalui Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Lalu Lintas Jalan di Geneva pada tahun 1949.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, setiap kenderaan persendirian yang dikeluarkan ICP, rekod kenderaan tersebut akan dimasukkan ke dalam sistem komputer JPJ bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan. Mengikut rekod JPJ, sebanyak 121,976 permit telah dikeluarkan pada tahun 2010 dan 123,042 permit pada tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,217 saman telah dikeluarkan pada tahun 2010 dan 1,629 pada tahun 2011 yang melibatkan pelbagai kesalahan termasuk

kesalahan lalu lintas seperti tiada/tamat tempoh ICP, tiada/langgar syarat permit, gagal mematuhi iampu isyarat, memandu di lorong kecemasan dan lain-lain.

NO. SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TAN SRI DATO¹ ABD. KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT

29 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan bilakah perjanjian dengan Penjana Tenaga Bebas (IPP) berakhir dan apakah syarat -syarat yang dinyatakan dalam perjanjian baru, jika ada.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Ketika ini, terdapat sebanyak 14 *Independent Power Producer* (IPP),

dengan izin, di Semenanjung yang beroperasi sepenuhnya. Tarikh tamat *Power Purchase Agreement (PPA)* bagi kesemua IPP ini adalah seperti berikut:

m	<i>Independent Power ;</i>	Tarikh Tamat
S		
1.	YTL Power	30-Sep-2015
2.	Segari Eenergy Venture	30-Jun-2017
3.	Genting Sanyen Power	22-Feb-2016
4.	PD Power	1-Jan-2016
5.	Powertek	13-Jan-2016
6.	Pahlawan	5-Aug-2020
7.	Panglima	27-Feb-2023
8.	GB3	30-Dec-2022
9.	TTPC	30-Mar-2024
10.	Prai	19-Jun~2024
11.	Kapar Energy Ventures	8-Jul-2029
12.	Janamanjung	31-Aug-2030
13.	Tanjung Bin	27-Sep-2031
14.	Jimah Power	31-Dec-2033

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dengan kerjasama Suruhanjaya Tenaga ketika ini sedang menjalankan proses pembidaan

terbuka antarabangsa (*international competitive bidding*), dengan izin, bagi mendapatkan kapasiti baru penjanaan bagi tahun 2016 dan ke atas. Proses pembidaan ini adalah untuk memenuhi permintaan bekalan elektrik yang dijangka akan terus meningkat pada tahun 2016. Melalui proses pembidaan ini, pembida yang mengemukakan tarif paling rendah akan dipertimbangkan untuk membina kapasiti penjanaan tersebut. Namun begitu, pemaju tersebut hendaklah melepasi kelayakan teknikal yang telah ditetapkan terlebih dahulu serta mempunyai keupayaan kewangan yang mencukupi untuk menjalankan projek yang memerlukan kos yang tinggi ini.

Selain itu, beberapa klausa baru telah diperkenalkan agar PPA yang akan dimeterai dengan TNB akan lebih menguntungkan rakyat seperti klausa penjimatan atau *savings clause*, dengan izin, di mana sekiranya terdapat penjimatan di dalam kos pembinaan, pembiayaan atau seumpamanya, pembayaran yang perlu dibuat oleh pihak utiliti kepada IPP tersebut akan turut berkurangan. Dengan cara ini, penjimatan kos akan dapat diambil kira dalam penentuan tarif elektrik kepada pengguna.

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT
WASALI @ AHMAD**

(SIPITANG)

PERTANYAAN : LISAN : 29.03.2012

TARIKH

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI @ AHMAD [SIPITANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah untuk memperkasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi menangani kegiatan penyeludupan dadah di pintu-pintu masuk utama, khususnya Lapangan Terbang Antarabangsa KL berikutan meningkatnya kes yang dikesan sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dalam membanteras aktiviti penyeludupan dadah terutama di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memperkasakan JKDM adalah seperti berikut:

- i. Melatih pegawai kastam di Cawangan Pemeriksaan Penumpang di semua LTA menaksir imej mesin pengimbas dan menambah kekuatan anggota di semua LTA;
- ii. Membekalkan peralatan kerja seperti *drug test kit*, *drug*

detector dan *Standard Operating Procedure (SOP)* kepada pegawai di Cawangan Pemeriksaan Penumpang di semua LTA;

iii.

M

menggunakan kaedah Sistem Rover di mana pegawai kastam akan berpakaian biasa untuk mengesan suspek yang cuba meloloskan diri;

iv.

M

meningkatkan keupayaan pengesanan menggunakan maklumat risikan ke atas bagasi, penumpang dan *flight* berisiko yang tiba di LTA;

v. Kerjasama antara Jabatan dengan kastam antarabangsa bagi mengetahui modus operandi penyeludupan serta mengeluarkan Arahan Berjaga-jaga kepada semua LTA; dan

vi. Penggunaan anjing dari Unit K9, Cawangan Narkotik JKDM

untuk mengesan dadah yang dihantar melalui mel atau kurier.

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan JKDM untuk menambahbaik keberkesanan sistem di KLIA dalam usaha mencegah aktiviti penyeludupan dadah adalah seperti berikut:

i. Mengurangkan dua pintu masuk kepada satu pintu masuk sahaja dan mewujudkan *bee-line* di Balai Ketibaan semua LTA; dan

ii. JKDM akan menambah bilangan mesin pengimbas secara berperingkat mengikut keperluan.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN AZANBIN
(INDERA MAHKOTA)**

ISMAIL

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2012

Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERAMAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kutipan hasil cukai negara terutamanya cukai pendapatan untuk tahun 2011 dan apakah langkah-langkah yang bakal diambil untuk mempertingkatkan kutipan serta adakah Kerajaan berpuas hati dengan kedudukan pengurusan cukai negara setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan hasil cukai negara bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM135 bilion iaitu cukai langsung sebanyak RM102 bilion (bersih) dan cukai tidak langsung sebanyak RMRM33 bilion. Kutipan cukai pendapatan yang merangkumi cukai pendapatan individu, syarikat, petroleum, pegangan dan koperasi adalah sebanyak RM97 bilion.

2. Pada masa ini, Kerajaan berpuas hati dengan kedudukan pengurusan cukai Negara yang meningkat sebanyak 23 peratus pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk terus meningkatkan kutipan hasil cukai. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- i. Fokus Audit iaitu memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat yang berisiko tinggi dan *specific high value tax issues*;
- ii. Fokus Siasatan iaitu memberi fokus kepada individu-individu berprofil dan berpendapatan tinggi yang dikenal pasti tidak melaporkan pendapatan sebenar mereka;
- iii. Pemantapan Bahagian Petroleum LHDNM dengan menghantar pegawai-pegawai di Bahagian Petroleum LHDNM mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan industri petroleum dan *transfer pricing* selain menggunakan bantuan makmal forensik dalam menjalankan aktiviti pengauditan;
- iv. Pemantapan Bahagian Forensik LHDNM dengan mewujudkan Bahagian Forensik mengikut zon-zon di seluruh Malaysia bagi membantu

memperkemas dan menentusahkan maklumat-maklumat yang diperolehi hasil daripada aktiviti-aktiviti auditan dan siasatan yang dijalankan;

v. Pemantapan Unit Pengesanan LHDNM bagi membolehkan Unit ini mengesan dan menaksir pembayar-pembayar cukai tegar yang tidak membayar dalam tempoh masa yang sepatutnya atau gagal melaporkan cukai pendapatan masing-masing dengan betul dan tepat; dan

vi. Meningkatkan Tumpuan Terhadap Aktiviti Duti Setem dan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dengan meningkatkan aktiviti-aktiviti audit duti setem dan menjalankan pemeriksaan ke atas pembayar-pembayar cukai yang mempunyai nilai CKHT yang tinggi.

~~•NO AUM*-4-~~

~~■NO AUP:~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO* HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH 29 MAC 2012

RUJUKAN 4639

SOALAN :

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada kedua-dua Kerajaan negara Brunei Darussalam dan Malaysia bercadang untuk membuka laluan pintu masuk di sempadan Sungai Tujuh, Kuala Lurah dan Temburong sepanjang masa

atau 24 jam.

Tuan Yang Di-Pertua,

JAWAPAN:

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Lawas kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan Malaysia belum bercadang untuk membuka laluan pintu masuk di Sungai Tujuh, Kuala Lurah dan Temburong sepanjang masa atau 24 jam. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sedia untuk menimbangkan cadangan bagi melanjutkan tempoh operasi di pintu-pintu masuk dengan mengambil kira keperluan, aspek keselamatan dan pandangan daripada agensi-agensi lain yang terlibat terutamanya daripada Kerajaan negeri. Selain itu juga, persetujuan juga perlulah diperolehi terlebih dahulu daripada Kerajaan Brunei.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

TUAN KARPAL SINGH

[BUKIT GELUGOR]

TARIKH 29 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan hakim-hakim daripada 66 tahun kepada 70 tahun. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, sebarang perubahan dalam tempoh perkhidmatan hakim-hakim adalah tertakluk kepada pindaan Perlembagaan Persekutuan. Pindaan ini memerlukan sokongan dan kelulusan dua pertiga Ahli- Ahli Dewan Rakyat, oleh itu satu kajian yang menyeluruh dan terperinci perlu dilakukan sebelum sebarang keputusan boleh dibuat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO⁹ SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE 29

TARIKH

MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

NO. 39

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah visualisasi Kerajaan di dalam pembangunan sektor pendidikan tinggi swasta bagi memastikan bilangan siswazah yang dilahirkan kolej-kolej swasta berkecukupan dan berupaya mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Teras ke-4, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu "Memperkasakan Institusi Pengajian Tinggi" adalah bermatlamat untuk meningkatkan kualiti IPT yang turut merangkumi IPTS agar setanding dengan universiti terbaik dunia di dalam program pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Di bawah teras ini, langkah memperkasakan kepimpinan IPT, peningkatan tahap profesionalisme fakulti, peningkatan kualiti tenaga pengajar melalui pendidikan pascaijazah dan pasca doktoral secara berterusan serta

penambahan tenaga penyelidik sentiasa dipergiatkan dari semasa ke semasa.

Dalam meningkatkan mutu dan kualiti tenaga akademik IPTS, kementerian telah menyediakan peruntukan melalui program MyBrain15 (MyMaster, MyPhD, PhD Industri) di mana para pensyarah IPTS berpeluang melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan PhD. Di samping itu, pensyarah yang ingin mengajar di IPTS juga dikehendaki memohon permit mengajar daripada Kementerian. Dalam mempertimbangkan sesuatu kelulusan, pencapaian akademik pensyarah, kerelevanan bidang pengkhususan dengan kursus yang diajar, pengalaman mengajar dan pengalaman di industri pensyarah tersebut dinilai bagi memastikan hanya pensyarah yang berkelayakan sahaja dibenarkan mengajar di IPTS.

Bagi memastikan program pengajian yang ditawarkan di IPTS berkualiti, Kementerian melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah melaksanakan Perakuan Akreditasi yang merupakan satu perakuan rasmi bahawa sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan kepada graduan mencapai standard kualiti dan kriteria yang ditetapkan dan adalah selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualifications Framework* (MQF). Selain daripada itu, MQA juga membangunkan standard program dalam pelbagai bidang dari semasa ke semasa. Bagi memastikan standard program yang dibangunkan ini memenuhi keperluan semasa, wakil industri, badan-badan professional, ahli akademik, alumni dan wakil pelajar dilibatkan dalam setiap pembangunan standard program.

Bagi menjamin kualiti setiap program yang telah mendapat akreditasi, MQA sentiasa melaksanakan proses penilaian pemantauan secara berterusan termasuk aspek semakan kurikulum terhadap program-program tersebut.

Kementerian juga telah membangunkan instrumen-instrumen penarafan seperti Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) untuk IPTA dan IPTS serta Sistem Pengukuran Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta (MyQUEST) untuk kolej swasta. Melalui sistem penarafan tersebut, IPTS akan berpeluang untuk mengenal pasti tahap kualiti perkhidmatannya dan kemudian mengambil usaha-usaha yang sewajarnya untuk menambahbaik prestasi perkhidmatan mereka.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
(KUALA LANGAT)**

TARIKH 29 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

**TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT) minta
PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah komprehensif yang
akan dilakukan untuk memastikan institusi zakat lebih efektif dalam
mengagihkan zakat untuk golongan yang layakmenerima bantuan**

NO. SOALAN:#?-

kewangan zakat.

**JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual ke Sembilan, Perlembagaan Persekutuan, perkara mengenai Hal Ehwal Agama Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat

adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam (MAIN) masing-masing.

Saya percaya Kerajaan Negeri sentiasa mengambil tindakan terbaik bagi mengendalikan dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan zakat masing-masing. Secara umumnya, terdapat dua kaedah utama pengagihan wang zakat oleh MAIN dan agensi zakat negeri. Kaedah pertama adalah melalui permohonan yang dibuat secara terus oleh pemohon dan kedua melalui inisiatif pendekatan 'turun padang' oleh pegawai-pegawai pengurusan zakat dengan mengunjungi rumah atau tempat tinggal mereka yang memerlukan bantuan. Tindakan ini dilaksanakan menerusi kerjasama erat amil-amil, jawatankuasa masjid, persatuan penduduk, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat. Disamping itu, terdapat juga negeri-negeri yang telah menubuhkan skwad ieiak asnaf bagi mengesan asnaf-asnaf yang tercicir. Tindakan bersepadu ini akhirnya dapat memastikan bakal-bakal penerima zakat dikesan secara menyeluruh.

Senarai pemohon dan penerima diproses dan dikemaskini dari semasa ke semasa dalam pangkalan data pengurusan zakat. Senarai berkenaan disemak dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Agihan Negeri masing-masing bagi memastikan mereka adalah tergolong dalam asnaf yang layak diberi bantuan menerusi pelbagai skim bantuan yang diperkenalkan tertakluk kepada **syarat kelayakan** dan **had kifayah** yang ditetapkan oleh negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan lapan asnaf yang ditetapkan, pelbagai skim bantuan ditawarkan dan diagihkan kepada para penerima yang layak. Antaranya bantuan kewangan bulanan, bantuan dermasiswa, bantuan perubatan, bantuan membina / membaiki rumah dan deposit membeli rumahkos rendahdan lain-lain. Dengan skim-skim bantuan zakat seumpama inilah yang akan dapat membantu asnaf zakat daripada kedaifan dan kesempitan hidup.

Program-program pembangunan ekonomi yang mampu memberi impak yang tinggi (*High Impact Program*) kepada asnaf untuk keluar daripada belunggu kemiskinan melalui skim bantuan zakat juga diwujudkan. Umpamanya skim latihan kemahiran, skim bantuan modal perniagaan, bantuan deposit sewa beli teksi, bantuan deposit membeli van / bas sekolah dan lain-lain. Di Wilayah Persekutuan misalnya, Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyediakan sebanyak 27 skim bantuan, sebahagian besarnya adalah sepertimana yang disebutkan itu.

Program-program skim bantuan ini membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan dan dapat berdikari membina hidup yang lebih selesa. Seterusnya mereka akan keluar pula sebagai pembayar zakat. Inilah bentuk "pelaburan wang zakat" yang dikendalikan oleh MAIWP dan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri yang lain agar dapat memberi faedah jangkamasa panjang kepada umat Islam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH 29 MAC 2012
RUJUKAN 4500

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan mereka yang mati di dalam tahanan dalam tahun 2009, 2010 dan 2011 dengan menyenaraikan lokasi di mana mereka mati, sama ada di penjara, lock-up polis, tempat penahanan pendatang tanpa izin, dan juga sebab kematian.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Siput yang telah mengemukakan pertanyaan.

Dimaklumkan bahawa pada tahun 2009, terdapat seramai 14 orang yang mati di dalam tahanan iaitu terdiri daripada 3 orang dalam tahanan penjara, 7 tahanan polis dan 17 dalam tahanan depot Imigresen. Manakala pada tahun 2010, seramai 13 orang yang mati di dalam tahanan iaitu terdiri daripada 1 orang dalam tahanan penjara, 9 tahanan polis dan 18 dalam

NO. SOALAN : 24

tahanan depot Imigresen. Pada tahun 2011 pula, seramai 21 orang yang mati di dalam tahanan yang mana tiada kematian di dalam tahanan penjara, 17 kematian dalam tahanan polis dan 18 kematian dalam tahanan depot Imigresen.

Kebanyakan kematian dalam tahanan yang dicatatkan dalam tempoh tersebut adalah disebabkan oleh HIV/AIDS dan penyakit-penyakit lain seperti Tiba, Hepatitis C, Athma dan jantung.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB NASHARUDIN BIN
MAT ISA (BACHOK)**

TARIKH : 29 MAC 2012

SOALAN : 41

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kenapa MARA sudah tidak lagi memberi biasiswa kepada pelajar bukan perubatan di Jordan dan Mesir.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat berterima kasih dan menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap pendidikan

pelajar-pelajar tajaan MARA. Adalah menjadi kewajipan MARA sebagai pemegang amanah Bumiputera untuk mengangkat martabat bangsa melalui bidang pendidikan khususnya.

Setiap tahun MARA menerima peruntukan Belanja Mengurus daripada pihak kerajaan untuk menaja pelajar Bumiputera yang berkelayakan melanjutkan pengajian di dalam negara dan luar negara. Bilangan penajaan pelajar adalah bergantung kepada jumlah agihan peruntukan yang diterima setiap tahun. Secara amnya, MARA menaja seramai lebih kurang 1,000 orang pelajar ke universiti di negara-negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, China, Perancis, Jordan dan Mesir setiap tahun.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa MARA menaja ramai pelajar-pelajar yang mengikuti kursus perubatan, pergigian dan farmasi di Mesir dan Jordan. Namun begitu, penajaan MARA tidak tertakluk kepada kursus-kursus tersebut sahaja malah MARA akan menaja

pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pengajian dalam kursus kursus yang dianggap membantu mencapai keperluan guna tenaga dalam 11 bidang utama ekonomi negara (NKEA).

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

LISAN

DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL

] 29.03.2012 (KHAMIS)

DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan

(a) apakah kejayaan Kedai Rakyat 1 Malaysia; dan

(b) berapakah bilangan yang sudah beroperasi dan bilakah barangan Kedai Rakyat 1 Malaysia dapat dibekalkan di kedai-kedai Felda seluruh Jempol.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) telah membantu pengguna dengan memberi manfaat dengan menawarkan barangan keperluan pengguna pada harga sehingga 50% lebih rendah berbanding barangan sama berjenama, namun kualiti tetap diutamakan. Produk 1 Malaysia Kedai Rakyat (1MKR) ini juga telah membantu rakyat yang berpendapatan rendah khususnya di kawasan bandar menangani peningkatan kos sara hidup.

b) Buat masa ini tiada Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) yang beroperasi di kawasan Parlimen Jempol, Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, melalui Model 2 KR1M terdapat sebanyak 2 kedai runcit biasa, 1 kedai D'Mart Felda dan 3 koperasi Felda yang telah menjual produk 1MKR di kawasan Parlimen Jempol, Negeri Sembilan.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOOKEONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2012

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada keputusan "arbitrary" yang dilakukan oleh En. Mohammed Rashdan dengan sewenang-wenangnya untuk menaja QPR, di mana sebahagian besarnya dimiliki oleh Tan Sri Tony Fernandes, Home Jersey sebanyak RM18 juta, pembatalan laluan Firefly ke destinasi ke Kuching dan KK, laluan MAS ke destinasi Bandung serta lain-lain laluan yang semata-mata untuk menguntungkan AirAsia adalah sebagai sebahagian dari objektif untuk MAS-AirAsia Comprehensive Collaborative Framework seperti yang diumumkan oleh Tan Sri Azman Mokhtar pada 9-8-2011.

JAWAPAN

NO SOALAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penajaan jersi pasukan Queens Park Rangers (QPR) oleh Malaysia Airlines System Bhd (MAS) adalah sebahagian daripada pelan perniagaan MAS untuk mempromosi dan mengukuhkan MAS sebagai syarikat penerbangan premium pilihan. Inisiatif ini merupakan platform publisiti yang baik kerana penyiaran lebih daripada 380 perlawanan *Barcklays Premier League* setiap musim akan mempromosi MAS secara lebih meluas, dengan anggaran 3.51 juta orang penonton di serata dunia. Selain itu, penajaan ini juga merupakan inisiatif penjenamaan semula MAS bagi meningkatkan hasil syarikat

2. Penajaan dalam bidang sukan seperti ini bukanlah pertama kali dilaksanakan kerana sebelum ini MAS pernah menandatangani perjanjian penajaan penyiaran ESPN STAR Sports bagi kontrak 2 tahun penajaan siaran langsung *Barcklays Premier League* siri 2005/2006 dan 2006/2007. Ini merupakan penglibatan MAS dalam program pembangunan masyarakat melalui sukan, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di negara-negara di mana MAS beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pengambilalihan perkhidmatan operasi jet Firefly oleh MAS merupakan sebahagian daripada rancangan pemisahan perkhidmatan di bawah pelaksanaan penyusunan semula perniagaan bagi menangani isu kerugian berterusan yang ditanggung oleh operasi jet Firefly. Program ini dilaksanakan atas dasar sektor-sektor dan semua operasi jet Firefly telah diserap ke dalam operasi MAS mulai Disember 2011. Firefly akan meneruskan perkhidmatan operasi turboprop daripada Lapangan Terbang Subang dan Pulau Pinang dan meningkatkan kapasiti dan kekerapan perkhidmatan di laluan sedia ada

5. Selain itu, MAS kekal komited dalam mengendali dan menyediakan perkhidmatan terus ke Kota Kinabalu dan Kuching manakala perkhidmatan bagi lain-lain laluan di Sabah dan Sarawak disediakan MASWings Sdn Bhd, syarikat milik penuh MAS.

NO-AUP—:

**DARIPADA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH]**

**TARIKH
PERTANYAAN LISAN
RUJUKAN 29 MAC 2012**

4501

SOALAN :

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berikutan dengan reformasi undang- undang penerbitan di negara-negara jiran termasuk terkininya di Myanmar, adakah Kerajaan akan memansuhkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan yang memberi kuasa muktamad kepada Menteri untuk menggantung lesen percetakan dan permit penerbitan akhbar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat **Permatang Pauh** yang mengemukakan soalan.

Kerajaan tidak berhasrat memansuhkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984, kerana terbukti ia memberi kebaikan dalam usaha Kerajaan mengawal selia aktiviti penerbitan dan percetakan. Walau bagaimana pun, pindaan akan di buat terhadap pengeluaran lesen mesin cetak dan permit penerbitan secara tahunan untuk digantikan dengan pengeluaran secara *one-off*, iaitu dikeluarkan sekali sahaja.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN M.KULASEGARAN
(IPOH BARAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2012

Y.B. TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang yang belum dilangsaikan oleh

NO SOALAN :

setiap negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan berapa banyak peruntukan dari segi kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada setiap negeri. Sila berikan analisis yang berkenaan sejak tahun 2005.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan menyediakan pinjaman kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri untuk membiayai projek-projek kemudahan awam untuk faedah rakyat terutama sekali projek bekalan air, perumahan awam kos rendah, industri dan lain-lain projek. Projek-projek ini merupakan usaha Kerajaan berterusan khususnya untuk meningkat kemudahan infrastruktur asas untuk penduduk luar bandar bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

Sehingga 31 Disember 2011, jumlah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM16.6 bilion. Kerajaan Negeri Kedah merupakan negeri yang tertinggi mempunyai jumlah hutang yang belum

selesai, diikuti dengan Negeri Sabah, Pahang dan Sarawak. Jumlah hutang bagi negeri-negeri berkenaan ialah RM2.6 bilion bagi Kerajaan Negeri Kedah, RM2.4 bilion bagi Kerajaan Negeri Sabah, RM2.3 bilion bagi Kerajaan Negeri Pahang, RM2.2 bilion bagi Kerajaan Negeri Sarawak. Manakala negeri-negeri yang mempunyai hutang sederhana ialah Kerajaan Negeri Sembilan RM1.5 bilion, Kerajaan Negeri Kelantan RM1.1 bilion, Kerajaan Negeri Terengganu RM1.0 bilion, Kerajaan Negeri Perak RM1.0 bilion, Kerajaan Negeri Selangor RM995.8 juta dan Kerajaan Negeri Melaka RM909.13 juta. Kerajaan Negeri yang mempunyai jumlah hutang yang agak rendah ialah Kerajaan Negeri Perlis RM359.0 juta, Kerajaan Negeri Johor RM167.22 juta dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebanyak RM37.09 juta.

Hutang yang belum diselesaikan oleh setiap negeri telah meningkat dari tahun 2005 hingga tahun 2009. Bagaimanapun, dalam tahun 2010 dan 2011, jumlah hutang tersebut telah berkurangan berikutan pengambilalihan hutang bagi projek bekalan air oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Setakat ini, sebanyak lima buah negeri yang terlibat dalam pengambilalihan oleh PAAB, iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Perlis, Johor dan Pulau Pinang.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri pula meningkat secara beransur-ansur setiap tahun. Purata peningkatan keseluruhan adalah antara 8% hingga 11% dari tahun 2005 hingga tahun 2011. Di antara pemberian yang menunjukkan peningkatan yang ketara adalah pemberian penyelenggaraan jalan raya negeri, pemberian di bawah senarai bersama (seperti pengairan dan saliran, perkhidmatan haiwan dan kebajikan masyarakat), pemberian bayaran bil lampu jalan dan lampu isyarat Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan dan pemberian bayaran perkhidmatan bagi Negeri-Negeri yang melaksanakan projek Kerajaan Persekutuan. Pemberian ini bertujuan untuk mengimbangi pembangunan di seluruh negara terutama bagi negeri yang rendah tahap pembangunannya.

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN

DARIPADA Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN
LISA MOHAMED (SEKIJANG)
TARIKH N 29.03.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [SEKIJANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana kuasa dan keupayaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk membuat audit penggunaan Bahasa Melayu di dalam Kementerian dan jabatan Kerajaan dapat dilaksanakan di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan di bawah Kementerian Pelajaran. Akta Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959 [Akta 213] menetapkan bahawa penubuhan DBP adalah untuk menggalakkan perkembangan bahasa dan kesusasteraan di Malaysia.

Mengikut Seksyen 5, Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan) 1995 [Akta A930], antara tujuan Lembaga DBP termasuklah "untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul"; dan "untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya ia akan digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa." Subseksyen 5(2) akta tersebut memperuntukkan bahawa

maksud "untuk menggalakkan" termasuklah memberi arahan, ulasan, nasihat, bantuan, bimbingan, latihan atau pengawasan."

Dengan peruntukan tersebut, DBP dapat menjalankan kuasa dan tugasnya untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan, termasuklah memberi ulasan dan nasihat. Audit Bahasa Melayu bertujuan untuk meneliti tahap dan mutu penggunaan bahasa kebangsaan, yang membolehkan DBP memberikan ulasan dan cadangan untuk memperkukuh Dasar Bahasa Kebangsaan.

DBP akan melaksanakan Audit Bahasa Melayu di kementerian dan jabatan kerajaan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai wahana pentadbiran negara secara rasmi. Peruntukan ini ditetapkan melalui Perlembagaan Persekutuan Perkara 152 dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32]. Audit ini dilakukan sebagai menyokong pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2011: Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam yang berkuat kuasa pada 28 Oktober 2011.

DBP mempunyai keupayaan untuk melaksanakan audit ini di seluruh negara dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan juruaudit luar (terdiri daripada Munsyi Dewan, pesara DBP dan pakar bahasa) yang akan dilantik oleh DBP. Sebagai perancangan jangka panjang, kerajaan bercadang untuk menjadikan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai salah satu daripada komponen penilaian atau kriteria dalam Sistem Penarafan Bintang (SSR) perkhidmatan awam.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
 (LIBARAN)

TARIKH 29.03.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah pengemaskinian fakta akan dilaksanakan pada subjek Sejarah peringkat sekolah menengah dan berapa jumlah guru Sejarah di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula pada tahun 2013 mata pelajaran sejarah akan dijadikan mata Pelajaran wajib lulus sebagai syarat layak untuk mendapat sijil SPM. Dasar ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi insan cemerlang, berkemahiran tinggi, berdaya saing, mempunyai semangat jati diri yang kental serta memiliki semangat patriotik dan nilai kewarganegaraan tulen. Bagi melaksanakan dasar ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk memastikan kebenaran dan kejituan fakta-fakta sejarah yang diterbitkan dalam buku-buku Sejarah sekolah rendah dan menengah, KPM mengambil langkah berikut:

Buku teks bagi mata pelajaran Sejarah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan

Pustaka (DBP). Dalam penerbitan buku tersebut, DBP juga telah diingatkan untuk memilih penulis-penulis yang telah dikenal pasti pakar dalam mata pelajaran sejarah dan bidang-bidang/skop berlainan yang berkaitan;

Selain daripada itu, penulis DBP yang dilantik adalah dipilih berdasarkan pemenang yang telah memenangi pertandingan menulis yang telah dijalankan oleh DBP;

Di samping itu, KPM melalui Bahagian Buku Teks (BBT) dan DBP juga mempunyai pakar rujuk untuk mata pelajaran tersebut bagi mengesahkan kejituan fakta-fakta yang terdapat dalam buku teks Sejarah;

Bagi setiap buku teks Sejarah yang diterbitkan, KPM akan melantik Jawatankuasa Penilaian Teknikal 4 (JPT 4) yang terdiri daripada pensyarah IPT, IPG dan guru-guru cemerlang yang pakar dalam bidang mata pelajaran yang berkaitan. Panel ini berfungsi membaca, menilai, menyemak dan memantapkan kualiti Pruf Muka Surat (PMS) sekurang-kurangnya sebanyak dua kali. Ini tidak termasuk pembacaan yang dilakukan oleh pegawai BBT sendiri untuk beberapa kali mana pegawai BBT berkenaan juga adalah berlatar belakang opsyen guru mata pelajaran sejarah;

Selain daripada itu, KPM juga melantik satu lagi panel JPT 4 untuk melaksanakan Mesyuarat Pembaca Pruf pada peringkat Naskhah Sedia Kamera (NSK) dari kalangan pensyarah IPT, IPG KPM dan guru-guru cemerlang yang pakar dalam bidang mata pelajaran yang berkaitan;

- (vi) KPM juga melantik pakar rujuk yang terdiri dari para sarjana atau sejarawan yang dikenal pasti mempunyai pengalaman dan mempunyai kepakaran yang mendalam dalam mata pelajaran sejarah dan mempunyai kredibiliti dalam dunia sejarah tanah air;
- (vii) KPM juga mengambil langkah menubuhkan jawatankuasa dalaman

bagi membuat kajian dan pembacaan semula buku teks yang lama atau membuat kajian sumber terkini sebelum sesuatu program penerbitan buku Sejarah diterbitkan. Penglibatan guru pakar sejarah tanah air akan dilibatkan sama bagi mendapatkan pandangan dan penambahbaikan maklumat dan pendekatan dalam penulisan buku sejarah pada masa akan datang.

Rjm 61

NO. SOALAN:

49 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SAIFUDIN NASUTION ISMAIL

TARIKH : 29 MAC 2012

Tuan Saifudin Nasution Ismail [Machang] minta PERDANA MENTERI menyatakan nama-nama lima syarikat di bawah Khazanah Nasional dan lima syarikat di bawah Permodalan nasional Berhad (PNB), juga apakah bidang-bidang perniagaan terbabit akan diserahkan kepada syarikat-syarikat Bumiputera serta apa pula kriteria kelayakan

JAWAPAN :

Nama-nama lima syarikat di bawah Khazanah Nasional dan lima syarikat di bawah Permodalan Nasional Berhad akan diumumkan setelah diputuskan oleh kedua-dua agensi tersebut. Pengumuman dijangka dilakukan dalam masa terdekat, setelah segala kelulusan dari Lembaga Pengarah syarikat-syarikat terbabit serta badan-badan pengawasan yang terlibat diperolehi. Pengumuman berkenaan dengan bidang-bidang perniagaan yang bakal dilupuskan berserta kriteria kelayakan untuk pembida-pembida juga akan dilakukan setelah kelulusan yang sama

diperolehi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR]
TARIKH	29 MAC 2012
RUJUKAN SOALAN:	4502

Tuan Manickavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan samada Kementerian masih mempertimbangkan penubuhan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC) untuk mengatasi kes - kes penyalahgunaan kuasa polis.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kapar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP/EAIC) yang mula beroperasi pada 1 April 2011 selaras dengan berkuat kuasanya **Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]** yang telah kita luluskan di Dewan yang mulia ini.

SIAP berperanan sebagai sebuah suruhanjaya bebas yang berfungsi untuk menerima aduan daripada orang ramai sekiranya ada mana-mana pegawai mahupun anggota agensi-agensi penguatkuasa yang terlibat dalam penyalahgunaan kuasa, penyelewengan mahupun perkara-perkara lain yang bersabit dengan integriti. Suruhanjaya ini bukan sahaja merangkumi PDRM malah mencakupi 20 agensi penguatkuasaan Kerajaan lain seperti Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Imigresen Malaysia, RELA, Jabatan Pendaftaran Negara dan lain-lain.

NO.SOALAN : 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **YB MOHAMED AZMIN BIN ALI**

TARIKH **29 MAC 2012**

SOALAN:

YB Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status rundingan di antara JPA dan CUEPACS berhubung pelaksanaan SBPA. Adakah Kerajaan telah meneliti semua bantahan berhubung ketidakadilan dalam pelaksanaan skim ini khususnya peratus kenaikan di antara kumpulan sokongan dan pegawai kelas premier.

JAWAPAN: **YB PATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam merangka SBPA, Kerajaan telah mengadakan forum perbincangan bersama CUEPACS dan wakil persatuan melalui tiga (3) Majlis Bersama Kebangsaan yang bersidang sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun. Di samping itu, mesyuarat tidak berkala lain juga diadakan antara pegawai tinggi Kerajaan dengan ahli-ahli Majlis Tertinggi CUEPACS. Kerajaan juga menerima Memorandum daripada CUEPACS dengan tuntutan-tuntutan tertentu yang telah dikaji dan diambil kira dalam pengubalan SBPA. Sepanjang tahun

2011, sebanyak 13 mesyuarat utama bersama CUEPACS telah diadakan merangkumi Mesyuarat dengan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK), taklimat kepada Ahli Majlis Tertinggi CUEPACS dan siri Perjumpaan Bersama CUEPACS pada tahun 2011 yang membawa kepada termeterainya Memorandum Persefahaman mengenai Pelaksanaan SBPA antara JPA dan CUEPACS yang ditandatangani pada 28 Disember 2011.

Satu Suruhanjaya akan ditubuhkan yang akan dianggotai oleh semua pihak berkepentingan termasuk CUEPACS untuk mengkaji secara komprehensif dan holistik Perkhidmatan Awam Malaysia yang bukan sahaja melibatkan sistem saraan tetapi juga rupa bentuk perkhidmatan awam masa depan yang diperlukan negara. Suruhanjaya ini akan bekerja berasaskan prinsip musyawarah, perundingan dan permuafakatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI

(BAGAN SERAI)

TARIKH 29 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

SOALAN NO. 52

YB Tuan Mohsin Fadzli Bin Haji Samsuri (Bagan Serai) minta

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

menyatakan jumlah Rumah Ehsan (Rumah Orang Tua) serta penghuninya mengikut pecahan kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin akan kebajikan dan kesejahteraan pesakit melarat yang memerlukan penjagaan, rawatan dan perlindungan. Dalam hal ini KPWKM telah menyediakan institusi yang dikenali sebagai Rumah Ehsan. Pada ketika ini terdapat 2 buah Rumah Ehsan iaitu Rumah Ehsan Kuala Kubu Baru, Selangor dan Rumah Ehsan Al-Mukhtafi Billah Shah, Dungun, Terengganu, masing-masing dengan kapasiti 120 orang penghuni.

Pada bulan Februari 2012, bilangan penghuni di kedua-dua Rumah Ehsan

berjumlah 222 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 111 orang (50%) adalah lelaki dan 111 orang (50%) adalah perempuan. Manakala mengikut pecahan kaum, seramai 143 orang (64.4%) terdiri daripada kaum Melayu; 49 orang (22.1%) kaum Cina; 29 orang (13%) kaum India dan 1 orang (0.45%) kaum lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk memohon peruntukan kewangan bagi membina sebuah lagi Rumah Ehsan dengan kapasiti 400 orang penghuni di Nibong Tebal, Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Cadangan projek ini adalah untuk memenuhi keperluan dan permintaan yang semakin mendesak khususnya di zon utara.

Selain itu, pihak kerajaan menggalakkan pertubuhan bukan Kerajaan dan sektor korporat untuk berganding bahu di bawah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi menyediakan perkhidmatan penjagaan, rawatan dan perlindungan kepada pesakit melarat. Langkah ini penting kerana Malaysia diunjurkan menjadi “negara tua” pada tahun 2030 apabila 15% daripada penduduknya adalah warga emas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN MOHSIN FADZLI BINHAJI SAMSURI

SOALAN NO. 52

(BAGAN SERAI)

TARIKH 29 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan Mohsin Fadzli Bin Haji Samsuri (Bagan Serai) minta

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN

MASYARAKAT

**menyatakan jumlah Rumah Ehsan (Rumah Orang Tua) serta
penghuninya mengikut pecahan kaum.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin akan kebajikan dan kesejahteraan pesakit melarat yang memerlukan penjagaan, rawatan dan perlindungan. Dalam hal ini KPWKM telah menyediakan institusi yang dikenali sebagai Rumah Ehsan. Pada ketika ini terdapat 2 buah Rumah Ehsan iaitu Rumah Ehsan Kuala Kubu Baru, Selangor dan Rumah Ehsan Al-Mukhtafi Billah Shah, Dungun, Terengganu, masing-masing dengan kapasiti 120 orang penghuni.

Pada bulan Februari 2012, bilangan penghuni di kedua-dua Rumah Ehsan berjumlah 222 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 111 orang (50%) adalah lelaki dan 111 orang (50%) adalah perempuan. Manakala mengikut pecahan kaum, seramai 143 orang (64.4%) terdiri daripada kaum Melayu; 49 orang (22.1%) kaum Cina; 29 orang (13%) kaum India dan 1 orang (0.45%) kaum lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk memohon peruntukan kewangan bagi membina sebuah lagi Rumah Ehsan dengan kapasiti 400 orang penghuni di Nibong Tebal, Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Cadangan projek ini adalah untuk memenuhi keperluan dan permintaan yang semakin mendesak khususnya di zon utara.

Selain itu, pihak kerajaan menggalakkan pertubuhan bukan Kerajaan dan sektor korporat untuk berganding bahu di bawah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi menyediakan perkhidmatan penjagaan, rawatan dan perlindungan kepada pesakit melarat. Langkah ini penting kerana Malaysia diunjurkan menjadi “negara tua” pada tahun 2030 apabila 15% daripada penduduknya adalah warga emas.

PERTANYAAN

M&S©A L-Ak1'

^ NO-AUM : 50

DARI PAD A

NO-AUP-:

LISAN

TARIKH

RUJUKAN **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
DEWAN RAKYAT
PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]

29 MAC 2012

4503

SOALAN :

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) keberkesanan operasi PDRM dalam membanteras aktiviti maksiat dalam negara kita dengan sokongan fakta dan angka dari tahun 2000 hingga 2011; dan**
- (b) berapa kaliserbuan yangtelah dijalankan di bawah OPS Anakonda. Nyatakan tenaga dan kewangan yang terlibat serta kejayaannya.**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Ops Anakonda telah ditukar kepada Ops Noda pada tahun 2003. Pihak Kerajaan amat peka dan sensitif kepada isu-isu permasalahan pelacur di negara ini terutamanya melibatkan pelacur di kalangan warganegara asing. Kerajaan sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang untuk menangani masalah ini.

Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket. Operasi yang dijalankan oleh PDRM dilihat telah memberi kesan positif dengan menunjukkan penurunan dari segi tangkapan terutamanya tangkapan melibatkan perempuan warga asing yang terlibat dalam aktiviti pelacuran. Ini menunjukkan serbuan dan penguatkuasaan undang-undang oleh PDRM memberi impak yang positif. Bagi tahun 2000 hingga 2011 pihak PDRM telah berjaya menangkap seramai 85,693 orang perempuan warga asing dan seramai 8,382 orang perempuan warga tempatan.

Mengikut statistik Bahagian Judi, Maksiat dan Kongsi Gelap, Jabatan Siasatan Jenayah, PDRM, serbuan-serbuan yang dibuat dalam Ops Noda bagi tahun 2000 hingga 2011 adalah sebanyak 180,772 serbuan. Setiap serbuan yang dijalankan, pada dasarnya melibatkan

seorang pegawai dengan kekuatan 5 anggota dan dianggarkan menelan belanja RM 500 bagi setiap serbuan.

r

SOALAN NO.: **54****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN
DARIPADA
KAWASAN
TARIKH****LISAN
YB. DR. MOHD. HATTA BIN MD. RAMLI
KUALA KRAI
29 MAC 2012 (KHAMIS)****SOALAN:**

YB. DR. MOHD. HATTA BIN MD. RAMLI (KUALA KRAI) meminta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada terdapat peruntukan untuk membaiki dan menaik taraf jalan menghutungkan Jelawang di Dabong ke Gua Musang yang berada dalam keadaan daif.

JAWAPAN;

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Kajian Semua Pelan Strategik Pembangunan Jalan Raya atau *Highway Network Development Plan* (HNDP) untuk Semenanjung Malaysia (2008) sememangnya telah mengenal pasti cadangan untuk menaikkan taraf jalan dari Gua 1- lusang - Jelawang - Jeli, Kelantan dalam RMKe-10. Anggaran kos untuk projek sepanjang 120 kilometer dengan reka bentuk piawaian JKR R5 itu ialah sebanyak RM960 juta, termasuk kos pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti.

Walau bagaimanapun berikutan daripada kos projek yang tinggi dan peruntukan yang terhad, Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan projek tersebut secara berperingkat-peringkat. Setakat ini Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM70 juta untuk menaik taraf sebahagian dari laluan berkenaan, khususnya di sekitar Jeli, Kelantan. Projek berkenaan telah dimulakan pada 27 Oktober 2007 dan siap pada bulan Ogos 2011 yang lalu. Manakala bagi baki laluan yang masih belum dinaikkan taraf itu, Kementerian Kerja Raya sedang berusaha untuk mendapatkan kelulusan Unit Perancang Ekonomi, jabatan Perdana Menteri¹ (UPK, JPM) bagi melantik juru perunding untuk mereka bentuk keseluruhan jalan berkenaan. Sehubungan itu, pelaksanaan fizikal projek ini cjangka akan dimulakan sebaik sahaja Kementerian ini selesai berunding dan menerima kelulusan dari pihak UPE, JPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya juga

telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM1 juta pad) setiap tahun untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin li Jalan Persekutuan 66 (FT66), iaitu dari Jeli ke Jelawang sepanjang 54 kilometer. Kerja-kerja penyelenggaraan rutin ini melibatkan i skop menampal lubang jalan (*potholes*), meratakan bahu jalan, m=motong rumput, mencuci perabot jalan, mencuci pembetung dan jainbatan, mencuci longkang dan pemeriksaan berjadual di sepanjang jalan terlibat. Manakala Jalan Jelawang ke Gua Musang sepanjang 66 kilomeier ialati Jalan Negeri (D29). Jalan ini tidak termasuk di bawah skop penyelenggaraan oleh syarikat konsesi yang dilantik Kerajaan Persekutuan, sebaliknya ia diselenggara oleh Kerajaan Negeri ttinerusi peruntukan *Malaysia Road Record Information System* (MARRIS).

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: **56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN :
PARIPADA ;
KAWASAN
TARIKH :

LISAN
YB. TUAN MANOGARAN A/L
MARIMUTHU
TELOK INTAN
29 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN:

YB. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELOK INTAN)
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) bilakah kali terakhir pihak Kementerian menjilangkam pemeriksaan keadaan keselamatan jalan raya, jambaian dan jejantas di kawasan Parlimen Teluk Intan; dan
- (b) adakah pihak Kementerian melakukan kajian mengenai keperluan untuk mendirikan jambatan atau pun jejantis baru di kawasan-kawasan lalu lintas yang merbahaya di Teluk intan.

JAWAPAN:

(a sc b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini menerusi jabatan Kerja Raya (JKR) sememangnya sentiasa menalalkan pemeriksaan audit terhadap aset-aset jalan seperti jambatan, perr betung, jejantas pejalan kaki dan papan tanda jalan. Audit pemerik; aan ini dilaksanakan secara berkala pada setiap tahun di seluruh negara, termasuk di daerah Hilir Perak.

Antara kaedah pemeriksaan audit yang dibuat oleh JKR ialah menerusi Program Pemeriksaan Mandatori Tahunan Jambatan (PMTJ) dan Audit Keselamatan Jalan (RSA). Audit PMTJ merupakan p osedur pemeriksaan tahunan oleh JKR bagi menentukan tahap kedudukan (*condition rating*) sesuatu jambatan atau pembedung itu dengan mengambil kira faktor-faktor seperti usia jambatan, jumlah trafik, jalan tuju dan aliran sungai. Skop PMTJ turut diperluaskan kepada semua jejantas jalan (*flyover*) dan jejantas pejalan kaki (*pedestrian brhfge*) di Jalan-Jalan Persekutuan. Manakala Audit Keselamatan Jalan (RSA) pula antara lain meilibatkan pemeriksaan tahap keselamatan jalan-jalalii sedia ada di mana tindakan pembaikan akan dilaksanakan terhadap lokasi-lokasi yang dikenal pasti berbahaya dan berisiko untuk berlaku kemalangj n.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini :erdapat sepanjang 104 kilometer Jalan Persekutuan di daerah Hilir Perak di maina terdapat 20 unit jambatan dan 49 unit pembedung di jalan tersebut. Penyelenggaraan rutin jalan tersebut dilaksanakan oleh JKR neneirusi syarikat konsesi penyelenggaraan jalan yang dilantik Kerajaan. Se;akat ini Kementerian Kerja Raya telah mengenal pasti terdapat 12 lok isi yang serfng berlaku

kemalangan (*blackspot*) di Jalan Persekutuan daerah tersebut. Sehubungan itu, pada masa kini JKR sedang dalam proses untuk menyediakan lukisan cadangan reka bentuk konsep pembai can dan menaik taraf lokasi terlibat. Anggaran kos projek ialah RM500,000 untuk setiap lokasi.

Manakala cadangan menggantikan jambatan-jambatan usa ig pula dibuat dengan mengambil kira senarai keutamaan jambatan yans; kritikal dan peruntukan semasa Kerajaan. Berdasarkan pemeriksaan JKR, setakat ini semua jambatan dan pemetung di daerah Hilir Perak masih laigi berada dalam keadaan selamat digunakan dan hanya memerlukan kerja* kerja penyelenggaraan rutin dan berkala sahaja. Walau bagaimanapun untuk tempoh jangka panjang, pihak JKR bercadang untuk menaik taraf dan menggantikan 15 unit jambatan dan semua pemetung yang telah berusia melebihi 40 tahun di daerah tersebut. Pelaksanaan prog "am ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai dari lempoh RMKe-10 dan bersambung ke RMKe-11.

Di samping itu, JKR juga telah menjalankan kajian dan mengenal pasti keperluan untuk membina sebuah jejantas pejalan kaki di Jalan Persekutuan Hilir Perak, iaitu di seksyen 562, Jalan Persekutuan 5

3

(FT05) yang berhadapan SJK(T) Barathi, Hutan Melintang, Perak. Anggaram kos projek ialah sebanyak RM1.2 juta.

Sekian, terima kasih.

NG-AUM : 64.

noaup.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP]

DARIPADA 29 MAC 2012

4504

TARIKH

RUJUKAN SOALAN :

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jenayah yang berlaku di Parlimen Padang Terap mengikut tahun sejak 2008 hingga 2011 serta nyatakan kategori jenayah tersebut serta langkah-langkah pencegahan yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sejak tahun 2008 hingga 2011 terdapat sebanyak 714 kes jenayah indeks telah dilaporkan bagi Daerah Padang Terap, Kedah. Daripada jumlah tersebut, 95 kes adalah melibatkan jenayah kekerasan manakala 619 kes melibatkan jenayah harta benda.

Antara langkah-langkah pencegahan yang dilaksanakan oleh PDRM bagi membanteras jenayah adalah seperti berikut

- (i) Mengadakan rondaan yang lebih kerap dengan melibatkan lebih ramai pegawai/anggota di kawasan - kawasan yang kerap berlaku jenayah;
- (ii) Menjalankan operasi-operasi pencegahan jenayah secara berterusan dengan melibatkan semua cawangan di daerah untuk membanteras kegiatan jenayah;
- (iii) Menambah bilangan anggota serta bantuan logistik (kereta/motosikal) bagi meningkatkan tugas Bit/Patrol / rondaan di kawasan kawasan kerepa berlaku jenayah dan tempat tumpuan orang ramai;

- (iv) Mewujudkan hubungan rapat di antara pihak polis dengan semua golongan masyarakat bagi menggalakkan penyaluran maklumat tentang kejadian jenayah dalam usaha membanteras jenayah dengan lebih berkesan;
- (v) Mengadakan lebih kerap aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti perjumpaan dengan kumpulan masyarakat untuk meningkatkan kesedaran mengenai peranan mereka dalam membantu membanteras jenayah;
- (vi) Mengadakan kempen-kempen, ceramah-ceramah dan pamiran-pamiran berkaitan keadaan jenayah semasa dan langkah-langkah pencegahan untuk keselamatan diri dan harta sendiri;
- (vii) Mengadakan kerjasama yang erat diantara polis dengan kerajaan tempatan dan lain-lain agensi kerajaan seperti JKKK / Daerah untuk bersama - sama berkerja ke arah mengurangkan serta membenteras kegiatan jenayah; dan
- (viii) Memaklumkan kepada semua lapisan masyarakat berkaitan keberkesanan info serta maklumat melalui Rakan Cop secara "Sistem Pesanan Ringkas" (SMS) atau "Sistem Pesanan Multimedia" (MMS).

DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
(KUBANG KERIAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2012

NO. SOALAN: 55.

Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah yang terjadi dengan Penerbangan Malaysia Bhd yang memajakkan pesawat MAS apabila MAS dan Air Asia digabungkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kolaborasi antara Malaysian Airlines System Bhd (MAS) dan AirAsia Bhd (AirAsia) tidak akan memberi kesan atau membawa sebarang perubahan kepada operasi Penerbangan Malaysia Bhd (PMB). Oleh itu, PMB akan terus memajakkan pesawatnya kepada MAS berdasarkan kepada perjanjian pajakan sedia ada. Perlu juga ditekankan di sini bahawa dalam Rangka Kerja Kolaborasi Komprehensif (CCF) ini, kedua-dua syarikat iaitu MAS dan AirAsia hanya akan menjalinkan kerjasama dalam beberapa aspek operasi dan bukannya bergabung {merger}.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS
(2012)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO NORAINI BINTI AHMAD [PARIT
SULUNG

TARIKH 29 MAC 2012 [KHAMIS]

SOALAN

NO. SOALAN: 55.

Dato Noraini binti Ahmad [Parit Sulung] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan akta khas yang bakal mewajibkan setiap iklan terutama yang membabitkan produk makanan dan minuman mempamerkan logo halal yang sah dari JAKIM.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua iklan yang disiarkan di media elektronik dikawal oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri. LPF akan membuat pemeriksaan ke atas semua iklan yang menggunakan logo halal. Setiap iklan bagi produk yang

mempamerkan logo halal adalah tertakluk sama ada produk berkenaan mempunyai sijil halal atau tidak.

Sekiranya produk berkenaan tidak mempunyai pensijilan halal Malaysia yang sah, pihak LPF tidak akan membenarkan atau meluluskan tayangan iklan yang menggunakan logo halal Malaysia.

Jika terdapat iklan yang menggunakan selain logo atau ungkapan halal selain logo halal Malaysia tetapi tidak mempunyai pensijilan halal Malaysia yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) , maka ia merupakan satu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS
(2012) _____**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB DATUKABD. RAHMAN BIN BAKRI
 [SABAK BERNAM]
TARIKH 29 MAC 2012 [KHAMIS]**

SOALAN

**DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM] minta PERDANA
MENTERI menyatakan sejauh manakah keberkesanan penubuhan**

Jawatankuasa Pusat Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah bagi mempertingkatkan lagi penguatkuasaan enakmen berhubung penyebaran agama oleh bukan Islam kepada orang Islam bagi mengatasi isu murtad.

**JAWAPAN: (YBSENATOR MEJAR JENARAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dari masa ke semasa sentiasa memberi penekanan dalam memantap dan memperkasakan penguatkuasaan Undang-Undang Syariah

di negara ini. Penubuhan **Jawatankuasa Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Malaysia** adalah salah satu *instrument* bagi JAKIM melaksanakan tanggungjawab ini.

Jawatankuasa tersebut menjadi platform kepada agensi penguatkuasaan Syariah negeri bagi menyampaikan masalah serta halangan yang dihadapi dalam menguatkuasakan Enakmen berkenaan di peringkat negeri, terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan kerjasama antara agensi. Oleh kerana itu, Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh wakil daripada setiap jabatan dan kementerian yang boleh membantu JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) menguatkuasa dan melaksanakan semua undang-undang Syariah yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri pada masa ini.

Selain itu, Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Islam Kepada Orang Islam memberi kuasa kepada PDRM dan juga Pegawai Diberikuasa/Pegawai Bertauliah yang kebanyakannya terdiri daripada penjawat awam di JAIN. Oleh itu, Jawatankuasa ini dalam masa yang sama berfungsi sebagai badan penyelararas di antara agensi penguatkuasaan Syariah negeri dengan PDRM atau dengan mana-mana agensi yang relevan di peringkat pusat. Penyelarasan tersebut merangkumi aspek gubalan garis panduan, latihan dan kepakaran serta pemantauan pelaksanaan tindakan.

Sekian, terima kasih.

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2012

Y.B. DATO¹ JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

a) Pemahkah Kerajaan memohon pinjaman dari Bank Dunia pada tahun 1998; dan

b) Jika pernah bilakah pinjaman diberikan dan berapa jumlahnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia meminjam

daripada institusi multilateral seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia (ADB) dalam tahun 1965 hingga 2002 bagi membiayai pelbagai projek untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Projek-projek berkenaan sebahagian besarnya tertumpu kepada projek-projek pembangunan luar bandar termasuk pembangunan sektor pertanian, perhutanan, pembangunan tanah rancangan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), bekalan air, pengairan, pembentungan, kemudahan pendidikan dan kemudahan kesihatan. Selain daripada itu, pinjaman tersebut juga untuk membiayai pembangunan pengangkutan bandar, telekomunikasi, jalan raya dan lebuh raya. Projek-projek ini telah memberi sumbangan yang besar kepada usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan, meningkatkan pendapatan, kemudahan infrastruktur luar bandar, pendidikan dan kesihatan rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak meminjam daripada International Monetary Fund (IMF).

2. Pinjaman daripada Bank Dunia diperolehi dalam tahun 1965 -1999 berjumlah USD2,646 juta. Kesemua pinjaman ini telah dijelaskan sepenuhnya di mana bayaran terakhir ialah pada tahun 2011. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat satu pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan pada tahun 1998 berjumlah USD300 juta. Tujuan pinjaman ini adalah untuk membiayai Program Pemulihan Ekonomi dan Sektor Sosial meliputi 6 program sektor sosial iaitu tabung pinjaman untuk pengeluaran makanan, skim pembiayaan kredit mikro, kemudahan pendidikan, kesihatan dan kemudahan infrastruktur luar bandar dan skim pembiayaan di bawah Amanah Ikhtiar. Pinjaman ini telah pun dijelaskan pada tahun 2010.

3. Pinjaman daripada ADB pula diperolehi dalam tahun 1968 -2002 berjumlah USD 1,285 juta. Sehingga 31 Disember 2011, sebahagian besar pinjaman ini telah dijelaskan, meninggalkan baki sebanyak USD124 juta.

4. Kesemua pinjaman Bank Dunia telah dibayar sepenuhnya

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

membuktikan Kerajaan Malaysia mengamalkan pendekatan pengurusan hutang yang berhemat di mana pinjaman dibuat hanya untuk membiayai projek-projek pembangunan yang diperlukan oleh rakyat dan setelah mengambil kira kemampuan membayar balik. Kerajaan akan terus komited untuk menjelaskan bayaran pinjaman mengikut jadual yang ditetapkan.

Soalan No:

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN
PERTANYAAN RAKYAT LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
(LIMBANG)

TARIKH 29.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan dapatkan Kerajaan:-

- (a) mengkaji semula kadar bantuan makanan tambahan untuk negeri Sarawak dan Sabah kerana dengan kadar rendah RM2.05, kualiti makanan tambahan di sekolah pedalaman akan terjejas; dan
- (b) memperuntukkan makanan asrama untuk pelajar-pelajar Pra Persekolahan di SK Long Napir dan SK Merambut kerana pelajar-pelajar tersebut tidak dapat berulang-alik ke rumah masing-masing disebabkan jarak yang sangat jauh dan sukar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kerajaan sentiasa prihatin tentang keperluan pendidikan bagi semua murid terutama kepada murid daripada keluarga miskin dan miskin tegar. Bagi meringankan beban golongan miskin, bantuan persekolahan telah disalurkan kepada murid-murid yang berkelayakan. Antaranya adalah bantuan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun membuat semakan semula kadar makanan Rancangan Makanan Tambahan disekolah seluruh negara. Kadar

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

baru yang dipersetujui bagi setiap murid adalah RM2.50 sehari di seluruh Semenanjung Malaysia dan RM3.00 sehari di Negeri Sarawak, Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kadar baru ini akan dilaksanakan mulai Tahun 2013.

- b) Menurut Dasar Pemberian Bantuan Makanan Asrama (BMA) semasa, pemberian bantuan makanan asrama adalah bagi murid-murid yang layak tinggal di asrama. Murid-murid yang layak tinggal di asrama adalah murid sekolah rendah dan menengah sahaja. Berdasarkan kepada dasar tersebut pemberian BMA untuk murid-murid prasekolah tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pihak KPM sedia mengkaji dan membuat pertimbangan yang bersesuaian terhadap pemberian Bantuan Makanan Asrama kepada murid prasekolah di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak terutama yang tinggal di asrama disebabkan jarak rumah mereka berjauhan dari sekolah.

Rjm 63

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2012

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab projek MRT Sungai Buloh-Kajang diberikan

kontingensi kos tambahan sebanyak 15 peratus yang tidak akan mengenakan sebarang penalti ke atas pihak Project Delivery Partner (PDP) yang akan mengurus projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan kontingensi antara 10% dan 20% atas kos anggaran sesuatu projek adalah amalan biasa dalam industri pembinaan. Oleh itu, bagi pembinaan projek MRT, kontingensi kos tambahan sebanyak 15% merupakan satu kadar yang munasabah. Dalam hubungan ini, penggunaan peruntukan kontingensi berkenaan adalah tertakluk kepada persetujuan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp.) sebagai syarikat milik penuh Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menguruskan projek MRT ini.

Berhubung dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai penalti ke atas PDP berkenaan, amaun fi yang akan dibayar kepada PDP akan dikurangkan mengikut formula yang dipersetujui antara MRT Corp. dan PDP sekiranya kos projek MRT melebihi 15% daripada kos yang disasarkan.

NO. SOALAN:

62 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 29 MAC 2012

SOALAN

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kriteria yang digunakan untuk menentukan tambang perjalanan di Eastern Dispersal Link (EDL):-

- (a) berapakah jumlah pengguna jalan raya menggunakan jalan raya ini setiap hari dalam purata. Berapakah daripadanya ialah warganegara Malaysia; dan
- (b) apakah impaknya terhadap kos kehidupan penduduk tempatan dan pengangkutan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengguna Kompleks Kuarantin dan Kastam Sultan Iskandar dimana Lebuhraya Eastern Dispersal Link bermula adalah terdiri daripada lebih 70% kenderaan yang didaftarkan di Singapura. Isu tol Lebuhraya EDL ini sedang dibincangkan di peringkat mesyuarat Majlis Ekonomi dan Kerajaan akan membuat pengumuman berhubung perkara ini dalam tempoh terdekat seperti mana pengumuman Y.A.B. Perdana Menteri pada 9 Mac 2012. Memandangkan perkara ini adalah di peringkat kajian dan Kerajaan akan mengumumkan perinciannya tidak lama lagi maka adalah premature bagi pihak Kerajaan untuk memberi maklum balas terhadap isu

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA _____

PARLIME

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)

TARIKH 29 MAC 2012 (KHAMIS)

NO.SOALAN: £3

SOALAN :

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah restoran dan kedai makan yang telah menggunakan logo halal yang diperakui selepas Akta Perihal Perdagangan 2011 dan Pensijilan Halal berkuatkuasa sejak 1 Januari 2012 lalu.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menerima sebanyak 298 permohonan sijil halal daripada restoran dan kedai makan sejak 1 Januari 2012. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 38 buah restoran dan kedai makan telah diluluskan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU

AN

PERTANYAAN

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA DEWAN

RAKYAT

TUAN MOHD. YUSMADI BIN MOHD. YUSOFF

TARIKH

29 MAC 2012 (KHAMIS)

SOALAN

NO. 64

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau] minta

MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan perkembangan dan perancangan penubuhan UiTM Balik Pulau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pengajian Tinggi tiada cadangan untuk menubuhkan UiTM Balik Pulau. Di Pulau Pinang telah terdapat beberapa buah IPT iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Bukit Mertajam, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Permatang Pauh, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Bertam, Politeknik Balik Pulau, Politeknik Seberang Perai, Kolej Komuniti Kepala Batas, Kolej Komuniti Seberang Jaya, Kolej Komuniti Bukit Mertajam, Kolej Komuniti Nibong Tebal, Kolej Komuniti Bayan Baru dan Kolej Komuniti Tasek Gelugor. Di samping itu terdapat juga institusi pendidikan di bawah Kementerian-Kementerian lain.

Fokus Kementerian Pengajian Tinggi ketika ini adalah untuk memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dengan menambah nilai pengisian yang sedia ada di antaranya termasuklah membangunkan infrastruktur intelektual, mempertingkatkan sahsiah pelajar, melaksanakan kurikulum baru dan mengembangkan lagi R&D&I.

NO. SOALAN : 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : PUAN TAN AH
ENG [GELANG
PATAH]**

DARIPADA

29 MAC 2012

TARIKH 4505

**RUJUKAN
JAWAB LISAN**

SOALAN:

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan:-**

- (a) punca utama penangguhan Pendaftaran Program Pemutihan 6P bagi Pendatang Asing Tanpa Izin; dan
- (b) langkah-langkah Kementerian untuk memastikan Program Pemutihan ini tidak menjejaskan pengambilan pekerja bagi

bidang perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gelang Patah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Program 6P melibatkan aktiviti Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran. Fasa Pertama Program 6P merupakan Pendaftaran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang bermula pada 1 Ogos 2011 dan telah berakhir pada 31 Ogos 2011 di mana seramai 1,303,126 (satu juta tiga ratus tiga ribu satu ratus dua puluh enam) orang PATI telah didaftarkan.

Seterusnya Fasa Kedua Program 6P ini pula merupakan proses Pemutihan PATI yang mana sedang dilaksanakan bertujuan agar PATI yang berdaftar semasa Proses Pendaftaran disahkan statusnya sebagai pekerja asing yang sah (Putih). Sehingga 27 Mac 2012, seramai 337,818 orang PATI telah diputihkan dan jumlah ini melibatkan sebanyak 61,212 majikan. Proses Pemutihan ini telah mula dilaksanakan pada 10 Oktober tahun lepas dan berakhir pada 10 Januari tahun ini.

Bagaimanapun, tempoh proses Pemutihan ini telah dilanjutkan kepada 15 Februari 2012 dan sekali lagi dilanjutkan kepada 10 April 2012.

Tempoh Proses Pemutihan ini dilanjutkan oleh Kerajaan di atas sebab-sebab berikut:

- i) daripada statistik pendaftaran, jumlah PATI yang didaftarkan begitu ramai dan apabila proses Pemutihan dibuat didapati jumlah PATI yang diputihkan jauh berkurangan daripada jumlah PATI yang berdaftar semasa tarikh tempoh lanjutan pertama proses Pemutihan PATI dibuat iaitu pada 15 Februari 2012.
- ii) terdapat banyak rayuan daripada pihak majikan dan pemain industri yang ingin mendapatkan PATI-PATI yang telah berdaftar untuk bekerja di syarikat-syarikat mereka ; dan
- iii) terdapat masalah bagi PATI yang telah berdaftar untuk memperolehi dokumen pasport daripada pihak berkuasa Negara masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan dan juga dalam tempoh perlanjutan pertama pada 15 Februari 2012.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehubungan dengan soalan (b) berkenaan dengan langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan Proses Pemutihan di bawah Program 6P ini tidak menjejaskan pengambilan pekerja asing baru (bukan PATI), sejak 6 Mac 2012 Kerajaan telah membenarkan pekerja asing baru, bukan sahaja untuk sektor perindustrian tetapi

juga untuk sektor- sektor yang dibenarkan sebelum Program 6P dilaksanakan iaitu
Perladangan, Pertanian, Pembinaan dan Perkhidmatan bagi keperluan yang kritikal.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN**

LISAN

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah 29 Mac 2012

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan sejauh mana Kementerian melihat teknologi padi hibrid yang telah dikomersialkan di beberapa negara Asia mampu menjana pengeluaran hasil padi negara kerana kelebihannya meningkatkan pengeluaran di sebalik keluasan tanah yang terhad serta turut membolehkan pelbagai tanaman lain turut ditanam dan dalam jangka panjang mampu menyelesaikan isu *food security*.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada YB Tuan Haji Ahmad bin Kasim bertarikh 3 April 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, teknologi padi hibrid diterajui oleh saintis dari Negara China dengan keluasan bertanam seluas kira-kira 15 juta hektar. Purata pengeluaran hasil padi hibrid yang diperolehi adalah 7 tan/ha, iaitu lebih kurang 1.4 tan/ha lebih tinggi berbanding varieti *inbred* yang menghasilkan 5.6 tan/ha. Di antara negara-negara lain yang telah mula menanam padi hibrid adalah seperti India, Filipina, Indonesia, Vietnam, Indonesia dan juga Amerika Syarikat. Pada masa ini, jumlah kawasan yang ditanam dengan padi hibrid

adalah sekitar 12% daripada keseluruhan kawasan tanaman padi di seluruh dunia.

Penyelidikan padi hibrid di Malaysia telah bermula sejak tahun 2005 dan diterajui oleh MARDI. Pada ketika ini, penyelidikan padi hibrid sedang dilaksanakan di kawasan seluas 300 ha bersama dengan beberapa syarikat swasta seperti RB Biotech Sdn. Bhd., Puncak Kaji Sdn. Bhd., Syarikat SIME Darby Rice Research Center, BASF dan beberapa syarikat lagi.

Aktiviti-aktiviti penyelidikan dijalankan di Stesen MARDI Bumbong Lima, Seberang Perai dan Stesen Penyelidikan Padi Hibrid MARDI, Tambun Tulang, Perlis antara lain melibatkan penilaian varieti dan baka padi hibrid, latihan pemindahan teknologi padi hibrid, membekal benih padi asas induk baka hibrid dan sebagai pusat informasi padi hibrid.

Penemuan awal dalam penyelidikan padi hibrid ini telah menghasilkan padi hibrid SIRAJ iaitu Varieti hibrid dari induk yang dibawa dari negara China dan Filipina. Terdapat beberapa kelebihan padi hibrid berbanding dengan padi biasa (varieti *inbred*) iaitu:

(a) Kadar Pertumbuhan Lebih Tinggi

Hasil padi hibrid biasanya lebih tinggi iaitu kira-kira 20% atau 1.0-1.5 tan/ha berbanding varieti *inbred*. Kadar pertumbuhan dan indeks keluasan daun yang lebih tinggi meningkatkan hasil bahan kering dan seterusnya hasil padi. Selain itu, padi hibrid juga mempunyai kecekapan penggunaan nitrogen dan air yang tinggi. Ini akan membantu mengurangkan kos penggunaan input (terutamanya baja nitrogen) selain menjimatkan penggunaan air. Bekalan air untuk tanaman padi dijangka semakin berkurangan di masa hadapan kerana terdapat persaingan dari sektor domestik dan industri.

(b) Kualiti Pengilangan Yang Baik

Kualiti pengilangan padi hibrid SIRAJ adalah baik dengan pulangan beras (67%) dan beras kepala (74%) dan setanding dengan MR 219. Beras SIRAJ

dikategorikan sebagai beras panjang. Kandungan amilos berasnya disekitar 16%, yang membuatkan nasinya lembut dan sedikit melekit jika dibandingkan dengan nasi MR 219.

(c) Rintang Terhadap Penyakit Hawar Daun Bakteria

Padi hibrid SIRAJ adalah sederhana rintang terhadap jangkitan penyakit karah, setanding dengan MR 219. Ia rintang terhadap penyakit hawar daun bakteria yang nyata lebih baik daripada MR 219. Namun, seperti MR 219, varieti ini tidak rintang kepada serangan serangga bena perang.

(d) Peningkatan Hasil Lebih Tinggi

Purata hasil padi hibrid SIRAJ yang ditanam di beberapa kawasan seperti di Sekincan menunjukkan peningkatan hasil di antara 1-1.5 tan/ha atau 6.28 tan/ha berbanding 5.16 tan/ha bagi MR 219. Secara keseluruhannya, SIRAJ berupaya memberikan hasil padi yang 20% lebih tinggi daripada MR 219.

Adalah terlalu awal untuk menanam pelbagai tanaman lain diselang-seli dengan padi hibrid terutamanya di jelapang/pengairan utama memandangkan tiada kajian untuk menentukan jenis tanaman yang sesuai dan ekonomik untuk diselang-seli dengan padi di kawasan jelapang dilaksanakan di Malaysia kerana amalan ini akan memerlukan kos penyesuaian infrastruktur sedia ada dan amalan pertanian bagi setiap jenis tanaman.

Penyelidikan padi hibrid masih dianggap baru di Malaysia. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui MARDI akan terus mempergiatkan penyelidikan dalam penghasilan padi hibrid. Dalam masa terdekat, MARDI berharap untuk mengenal pasti varieti-varieti padi hibrid yang berpotensi untuk dimajukan dan dapat dikeluarkan benih padi hibrid tersebut di negara ini. Untuk jangka masa panjang, MARDI berharap dapat menghasilkan varieti padi hibrid tempatan yang mempunyai ciri-ciri dan kualiti yang boleh diterima oleh pesawah di negara ini, menyediakan bekalan benih yang mencukupi dan aspek pengurusan sawah dan tanaman yang cekap. Untuk tujuan ini, MARDI akan meneruskan usaha-usaha mempertingkatkan kerjasama penyelidikan

dengan

RB Biotech Sdn Bhd dan mengadakan kerjasama dengan institusi-institusi luar negara (IRRI, Hubei Province, Bayer Cropscience, BASF dan lain-lain) bagi meningkatkan keupayaan penyelidikan dan sumber baka tanaman. MARDI juga telah mendapatkan saintis-saintis dari Negara China untuk bertugas di MARDI secara kontrak dalam penyelidikan padi hibrid dan mereka juga telah melatih saintis MARDI dengan beberapa teknologi penting bagi meningkatkan bilangan dan tahap kompetensi pegawai penyelidik melalui pengambilan kakitangan baru dan latihan.

**PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
PERTANYAAN DAN JAWAB LISAN
DARIPADA DEWAN RAKYAT
TUAN WONG HO LENG
TARIKH
29 MAC 2012 (KHAMIS)
SOALAN**

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] NO. 68 minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI

menyatakan kos pendidikan yang kian meningkat dan mahal, termasuk yuran universiti. Apakah rancangan untuk membolehkan rakyat Malaysia mampu menerima pendidikan tinggi. Apakah rancangan untuk menjadikan Malaysia sebuah hab pendidikan di Asia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya, kerajaan telah menampung hampir sepenuhnya yuran yang dikenakan oleh IPTA, khususnya bagi peringkat ijazah pertama dengan memberi subsidi di antara 78 hingga 96 peratus. Manakala, kadar yuran di IPTS pula ditetapkan semasa permohonan kepada kementerian untuk mendapatkan kelulusan penubuhan dan pendaftaran program pengajian berdasarkan kadar pasaran semasa. Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa memantau kadar yuran yang dikenakan oleh IPT agar tidak membebankan pelajar. Permohonan menaikkan kadar yuran IPTS akan

hanya dipertimbangkan oleh Kementerian berdasarkan justifikasi yang kukuh dan hanya setelah 3 tahun penubuhan IPTS tersebut.

Kementerian sentiasa menggalakkan IPT untuk menyediakan insentif dalam bentuk pengurangan yuran pengajian kepada pelajar yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat terutama dikalangan warga emas. Universiti Malaya umpamanya menawarkan pengurangan yuran kepada pelajar pasca siswazah warga emas melibatkan pengurangan yuran pengajaran dan yuran penyelidikan sehingga 50%. Manakala *Open University Malaysia* (OUM) juga menawarkan pengecualian yuran pengajian sehingga 75%.

Bagi pelajar miskin yang cemerlang dalam akademik dan kokurikulum, mereka sentiasa dibantu oleh kerajaan dengan menyediakan biasiswa penuh untuk melanjutkan pengajian ke IPT tempatan mahupun luar negara melalui agensi-agensi Kerajaan seperti JPA, MARA dan GLC.

Bagi memastikan semua pelajar yang mendapat tempat di IPT dapat meneruskan pengajian mereka, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Pembiayaan Pendidikan PTPTN yang diwujudkan bertujuan untuk memberi pembiayaan pinjaman pendidikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan. Pembiayaan ini akan membolehkan pelajar membiayai sepenuhnya atau sebahagian yuran pengajian dan juga kos sara hidup di sepanjang tempoh pengajian mereka di IPT. Sekaligus, skim ini membuka lebih banyak peluang kepada semua golongan pelajar untuk melanjutkan

pelajaran di peringkat pendidikan tinggi.

Di samping itu, untuk menggalakkan agensi korporat memberikan sumbangan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan, semasa pembentangan Bajet 2012, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan insentif pelepasan cukai ditambah daripada satu kali potongan kepada dua kali potongan diberikan kepada agensi korporat yang menyediakan biasiswa untuk pengajian tinggi.

Berkenaan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi serantau, Kementerian sentiasa memastikan program-program pengajian yang ditawarkan di IPT adalah merupakan program yang strategik dan mendapat pengiktirafan antarabangsa. Ini akan menarik pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian di Malaysia. Selain itu, usaha-usaha turut diambil bagi meningkatkan aktiviti dan pengkomersilan hasil R&D serta memperkasakan pusat-pusat kecemerlangan dan *Top Business School*.

Di samping itu, Fasa Dua Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah memperkenalkan elemen baharu “Jangkauan Global Malaysian, Ia bertujuan memperkukuh dan mempertingkatkan mutu sistem pengajian tinggi negara dan menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi serantau dan antarabangsa yang dihormati, dirujuk dan relevan dalam memenuhi tuntutan semasa dan masa akan datang melalui pendekatan tambatan hati (*soft power*). Sehubungan dengan itu,

kementerian telah merancang pelbagai aktiviti penerokaan pengantarabangsaan secara strategik apabila bagi tahun 2012, Program Pemasaran CLMV yang membabitkan negara-negara seperti Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam akan dilaksanakan mengikut perancangan strategik oleh empat kumpulan kluster seperti berikut:

- i. Memperkasa Libatsama Global Melalui Perkongsian Ilmu (MyExpert)
- ii. Pembentukan Hab Pengetahuan dan Kemahiran Menerusi Pengantarabangsaan (*MySkill*)
- iii. Memanfaatkan Hubungan Alumni Pelajar Demi Pengantarabangsaan (*MyAlumni*)
- iv. Meningkatkan Kehadiran Malaysia Di Dunia Melalui Sumbangan dan Reputasi (*MyFellow, MyOdyssey* dan *MyCommunity*)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

**DATUK TIONG THAI KING [LANANG]
29 03 2012 (KHAMIS)
MINTA MENTERI PERDAGANGAN DALAM
NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:-**

LISAN

DATUK TIONG THAI KING [LANANG]

- (a) jumlah Kedai Rakyat 1 Malaysia yang telah menjalankan perniagaan di seluruh negara; dan**
- (b) bagaimanakah sambutan rakyat terhadap Kedai Rakyat 1 Malaysia.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Sehingga 1 Mac 2012, sebanyak 31 buah Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) telah dibuka di seluruh negara; dan**
- b) Sambutan rakyat terhadap Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) adalah sangat memberangsangkan. Banyak permintaan diterima daripada rakyat untuk Kerajaan membuka KR1M di kawasan mereka di seluruh negara. KR1M telah**

membantu pengguna dengan memberi manfaat dengan menawarkan barangan keperluan pengguna pada harga sehingga 50% lebih rendah berbanding barangan sama berjenama, namun kualiti tetap diutamakan. Produk 1 Malaysia Kedai Rakyat (1MKR) ini juga telah membantu rakyat yang berpendapatan rendah khususnya di kawasan bandar menangani peningkatan kos sara hidup.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN [PASIR SALAK]**

TARIKH : 29 MAC 2012

SOALAN

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan Kerajaan yang telah membolehkan ekonomi Negara terus berkembang walaupun ekonomi dunia, khususnya di sebelah barat menghadapi krisis yang serius.

JAWAPAN

Pada tahun 2012, kedudukan ekonomi dunia dijangka akan lebih mencabar berikutan daripada kadar pertumbuhan ekonomi Amerika

Syarikat yang perlahan dan kedudukan ekonomi negara-negara Eropah yang terjejas akibat krisis hutang kerajaan berdaulat. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah mengunjurkan semula kadar pertumbuhan ekonomi dunia pada paras 3.3% dan 3.9% pada tahun 2012 dan 2013 berbanding 3.8% pada tahun 2011. Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka akan diterajui oleh *new emerging economies* seperti China dan India masing-masing pada 8.2% dan 7.0% pada tahun 2012, dan 8.8% dan 7.3% pada tahun 2013 berbanding 9.2% dan 7.4% pada tahun 2011. Negara-negara ASEAN termasuk Malaysia pula dijangka akan berkembang sebanyak 5.2% dan 5.6% pada tahun 2012 dan 2013 berbanding 4.8% pada tahun 2011.

Walaupun dunia dilanda ketidaktentuan ekonomi, Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang agak baik iaitu 5.1% bagi tahun 2011 mengatasi unjuran purata di bawah 5.0% oleh penganalisis ekonomi melalui *consensus poll* Bloomberg. Pencapaian lebih baik ini disumbang oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan turut disokong oleh prestasi eksport negara yang baik terutama barangan komoditi.

Pertumbuhan ekonomi negara dijangka akan berkembang antara 4.5% - 5.0% pada tahun 2012 dengan permintaan dalam negeri sebagai pemacu utama pertumbuhan. Penggunaan swasta dijangka berkembang 6.2% disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna berikutan harga komoditi yang lebih kukuh, pertambahan peluang- peluang pekerjaan baru dan pemberian BR1M.

Pelaburan swasta dijangka berkembang sederhana sebanyak 8.3% berikutan ketidaktentuan ekonomi dunia dan diimbangi oleh pelaburan awam sebanyak 16.2%. Pelaburan awam dan swasta akan disokong

oleh projek-projek KL MRT, Pusat Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur, pembinaan Loji *Regasification* Gas Asli Cecair (LNG) oleh PETRONAS, KLIA2, landasan keretapi berkembar (Gemas-JB), projek Program Transformasi Ekonomi (ETP) serta projek-projek penswastaaan dan perkongsian awam-swasta.

Pelaburan di lima wilayah koridor akan dipergiat termasuk pembinaan lebuh raya persisiran pantai Johor Bahru-Nusa Jaya di Iskandar Johor, projek pelancongan warisan Taiping di wilayah Koridor Utara, projek agropolitan Besut di Koridor Pantai Timur, projek kelompok industri berasaskan kelapa sawit Lahad Datu di Wilayah Koridor Sabah dan projek bekalan air Samalaju di Wilayah Koridor Sarawak.

Kerajaan komited untuk mengurangkan defisit Kerajaan Persekutuan daripada 5.0% pada tahun 2011 kepada kurang daripada 3% menjelang tahun 2015. Bagi mencapai hasrat ini, pengurusan fiskal Kerajaan akan ditambah baik dengan mengutamakan nilai untuk wang bagi setiap perbelanjaan Kerajaan dan memperluas asas hasil Kerajaan. Projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh akan dipercepat dan dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Perbelanjaan pembangunan bukan fizikal akan turut diberi keutamaan bagi menyokong pembangunan modal insan, peningkatan produktiviti, kreativiti dan inovasi.

